

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Budaya merupakan harta yang berharga dalam kehidupan manusia kerana ia dapat membezakan manusia daripada kehidupan lain di alam ini. Menurut Kathryn Dennick-Brecht (2000: 38), budaya merupakan satu sistem yang kompleks yang terdiri daripada pola tingkah laku dan pemikiran sesuatu kumpulan masyarakat. Pengertian ini dibawa oleh beliau dalam kajiannya yang berjudul, *Study Guide For Anderson And Taylor's Sociology: Understanding A Diverse Society* seperti berikut:-

“Culture is the complex system of meaning and behavior that defines the way of life for a given group or society. Culture includes ways of thinking (beliefs, values, knowledge, morals, language, art, laws) as well as patterns of behavior (customs, habits, fashion)”.

(K. Dennick-Brecht,2000: 38)

Kathryn Dennick-Brecht memperkukuhkan pandangan bahawa, budaya merupakan tingkah laku dan cara hidup sesuatu kumpulan masyarakat tertentu. Menurutnya lagi, budaya meliputi cara pemikiran manusia tentang kepercayaan, nilai-nilai, pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang dan pola tingkah laku yang berdasarkan adat, kebiasaan serta fesyen. Secara rumusannya dapat dikatakan bahawa, budaya wujud daripada dua perkara iaitu cara pemikiran dan pola tingkahlaku. Idea Dennick-Brecht turut disokong oleh Bronislaw Malinowski (1967: 621), yang menyatakan bahawa, barangan, proses teknikal, idea-idea, kebiasaan dan nilai-nilai yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat adalah komponen budaya.

Pandangan para sarjana di atas dapat mengukuhkan kepentingan elemen pemikiran sebagai komponen utama dalam budaya. Oleh yang demikian, kajian

terhadap pemikiran sesuatu masyarakat dapat membongkarkan tahap perkembangan masyarakat tersebut dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, antara instrumen yang dapat dijadikan sebagai alat bagi kajian terhadap budaya sesuatu masyarakat termasuklah hasil kesusasteraan klasik yang dimiliki oleh mereka. Hal ini adalah kerana, hasil kesusasteraan klasik dapat mengungkit kembali sejarah dan ketamadunan sesebuah masyarakat (W.H. Hudson, 1913: 11-13). Sekiranya sesuatu masyarakat ingin mencapai sistem budaya dan peradaban yang tinggi, maka mereka harus mengetahui perkembangan budaya manusia dari masa lampau sehingga kini yang dapat dilakukan melalui hasil pengajian terhadap bahan-bahan kesusasteraan.

Selain mendedahkan kecemerlangan bahasa sesuatu masyarakat, hasil kesusasteraan juga dapat mendedahkan pemikiran yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat tersebut. Menurut N.S.Rajendran (2002: 1), komponen bahasa dan pemikiran mempunyai satu hubungan perkaitan yang rapat di mana bahasa sebagai alat komunikasi, memainkan peranan yang penting dalam proses memperkembangkan kemahiran berfikir seseorang. Dalam hal ini, hasil kesusasteraan dapat menawarkan peluang untuk mengajar kemahiran berfikir jika bahasa dijadikan wahana yang berkesan (N.S. Rajendran, 2000: 1).

Hasil kesusasteraan bertindak sebagai alat pengintegrasian budaya bagi sesuatu masyarakat. Hasil kesusasteraan adalah seni yang terpancar daripada daya akal yang tinggi, maka ia melahirkan penciptaan keindahan dan kemampuan intelek. Hubungan yang bersifat pengintegrasian budaya masyarakat itu hanya akan berhasil dengan wujudnya kesanggupan menghargai dan aspirasi terhadap nilai kesenian, khasnya hasil kesusasteraan (Kamaludin Muhammad, 2006: 515-516).

Selain berfungsi sebagai alat hiburan, hasil kesusasteraan berfungsi sebagai alat komunikasi bagi menyampaikan budaya daripada masyarakat kepada ahli-ahli masyarakat lain. Oleh itu, hasil kesusasteraan dapat mewarisi budaya dan tamadun sesuatu bangsa dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Keadaan ini membolehkan hasil kesusasteraan bertindak sebagai cerminan masyarakat yang merekodkan segala hal yang berlaku dalam kerangka masa tertentu (A.Wahab Ali, 2012:13).

Penerimaan bahasa Tamil sebagai salah sebuah bahasa klasik daripada enam bahasa klasik yang terdapat di dunia, membuktikan keutuhan dan keagungan bahasa tersebut (P.Kotandaraman, 1997: 50-51). Kitab *Manu* dan *Mahabaratha*, menggunakan istilah '*Dravida*' bagi merujuk kepada masyarakat selatan India (C.Balasubramanian, 1959:51-52). Bahasa Sanskrit dan bahasa Tamil yang merupakan antara bahasa tertua dan bahasa klasik di India, di mana bahasa Tamil tergolong dalam kumpulan '*Dravida*' manakala bahasa Sanskrit dalam kumpulan Indo-Aryan (A.L.Basham, 2002:393). Pandangan Kamil Zvelebil (1973: 1) bahawa, tidak terdapat sebarang kesusasteraan klasik dalam bahasa-bahasa *Dravida* yang lain seperti mana yang terdapat bahasa Tamil mendedahkan nilai kesusasteraan Tamil yang teragung.

Bahasa Tamil yang dipertuturkan oleh hampir 70 juta orang India khususnya di Tamil Nadu dan di serata dunia, (<http://tamilo.com/tamil-population-education>) mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan penuturnya menguasai kemahiran berfikir, lebih-lebih lagi kemahiran berfikir aras tinggi. Bahasa Tamil merupakan bahasa yang sudah lama wujud iaitu setua dengan kewujudan kerajaan *Chera*, *Chola* dan *Pandiya* (C.Jesudasan, 1961:1). Hasil Kesusasteraan klasik Tamil dikatakan wujud sejak 500 S.M, melalui pelbagai peringkat perkembangan iaitu

daripada zaman klasik sehingga zaman moden (M.Varatharasan, 2007:20) dapat mendedahkan pemikiran MTA yang wujud ketika itu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hasil kesusasteraan Tamil Klasik (KTK) merupakan khazanah harta yang tidak ternilai dan dianggarkan bermula daripada zaman *Sangam* (J.G. Samuel, 1978:i). Malangnya KTK yang kaya dengan nilai-nilai sastera yang tinggi dan abadi belum lagi mendapat perhatian dan sanjungan yang secukupnya daripada mereka yang bukan berketurunan *Dravida*. Dalam konteks ini pandangan Kamil Zvelebill (1973: xi) dalam kajiannya yang berjudul, *The Smile Of Murugan On The Tamil Literature Of South India*, perlu diberi perhatian.

“The Dravidans, and in particular the Tamils, have contributed a great deal to the richness of the world: Pallava and Chola bronze sculpture, the dance form known as Bharatanatyam, the so called carnatic system of music. But probably the most significant contribution is that of Tamil literature, which is still remains to be discovered and enjoyed by non Tamilians and adopted as an essential and remarkable part of the universal heritage”

(Kamil Zvelebill, 1973: xi)

Kamil Zvelebill menyatakan bahawa ada banyak nilai tinggi yang boleh dijadikan rujukan bersama kerana KTK bersifat universal.

KTK juga dikenali sebagai kesusasteraan *Caṅka ilakkiyam* (S.Singaravelu, 1966:1) dan dua antologi utama yang menyinari KTK ialah *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* (C.Jesudasan, 1961:14). KTK dikelaskan sebagai hasil sastera yang berlainan daripada hasil sastera-sastera Tamil selepasnya kerana ianya bersifat tulen yang dapat memaparkan kepintaran, cara hidup, perasaan, pemikiran, institusi dan keagamaan MTA (N.Kanthasamy, 2006:113). Puisi-puisi zaman *Sangam* bukan sahaja

memfokuskan konsep kemanusiaan dan kehidupan sejagat malah konsep alam semula jadi merupakan satu ciri yang kuat di dalamnya.(M.Varatharasan, 2007:12). Hampir ke semua puisi-puisi KTK menggambarkan alam semulajadi dari perspektif yang berbeza-beza. Hal ini membuktikan bahawa, para penyair *Sangam* merekodkan kehidupan MTA yang bersifat sederhana yang menyebatkan mereka dengan elemen alam semula jadi (V.Cuba Manikkan, 2002: 11).

Puisi-puisi *Sangam* membawa dua tema penting iaitu tema *akam* dan *puram*. Kedua-dua tema ini diibaratkan sebagai dua permukaan yang terdapat dalam sebuah duit syiling (T.P Meenakshisundaran ,1965:26) Jika tema *akam* melafaskan puisi-puisi kecintaan, tema *puram* pula melafaskan puisi keperwiraan. Pembahagian tema unik yang sedemikian rupa dikatakan hanya dapat dilihat dalam KTK sahaja. Hal ini mendedahkan pemikiran MTA diwarnai oleh kedua-dua tema iaitu *akam* dan *puram* (X.S. Thani Nayagam, 1996:5).

Menurut S.Sivagami (1999: 162), KTK merupakan warisan kebudayaan Tamil yang penting dan disanjung bukan kerana ianya merupakan tulisan terawal tetapi disebabkan nilai-nilai sastera yang dimilikinya. KTK dapat memaparkan pemikiran MTA dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. (K.V.Bala Subramaniam, 1994:342). P.Kotandaraman (1994:11) berpendapat bahawa, kehidupan yang dipaparkan dalam KTK menunjukkan kelainan dengan kehidupan masyarakat Tamil pada zaman-zaman seterusnya yang perlu diungkit semula bagi tatapan generasi baru. Ini adalah kerana, KTK menjadi lambang kemegahan masyarakat Tamil dan dianggap sebagai zaman kegemilangan kesusasteraan Tamil secara amnya (Poovannan,2001:19).

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam era globalisasi kini kejayaan Malaysia bergantung kepada pembangunan minda rakyatnya. Rakyat Malaysia seharusnya berminda kelas pertama (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006: 31). Oleh yang demikian, masyarakat hari ini, khususnya kaum pendidik berkeinginan besar untuk melihat kelahiran masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknikal supaya dapat menghadapi kehidupan yang semakin mencabar. (N.S. Rajendran, 2013: 1-2). Bagi tujuan tersebut kemahiran berfikir perlu mula disemaikan kepada para pelajar, selaras dengan perubahan yang semakin pesat yang berlaku (L.B. Resnick, 1987: 2).

Kemahiran berfikir telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan negara ke arah K-ekonomi, namun pelaksanaan ini dikatakan masih belum mantap dan kurang diberi penekanan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002: 1).Keadaan ini perlu diubah dengan segera melalui satu pelan tindakan yang jitu supaya pengistiharan tahun 2010 sebagai tahun inovatif dan kreatif yang merupakan agenda negara ke arah negara maju menjelang 2020 dapat menjadi kenyataan. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011:ix).

Pemikiran merupakan satu elemen penting dalam konsep budaya kerana dapat membongkarkan peradapan dan kemajuan yang dicapai oleh kumpulan masyarakat tersebut. Dalam hal ini, antara alat yang boleh digunakan untuk mengkaji pemikiran sesuatu masyarakat ialah hasil kesusasteraan (W.H.Hudson, 1913: 11-13). Selaras dengan itu, hasil kesusasteraan yang kaya dengan pelbagai nilai estetika dapat dijadikan

wahana untuk mengajar budaya berfikir dapat melahirkan generasi baru yang lebih berketerampilan (N.S.Rajendran, 2000: 1).

Kesusasteraan Tamil klasik ciptaan zaman Sangam merupakan sebuah hasil kesusasteraan yang membicarakan cara hidup masyarakat Tamil awal secara spesifik. Namun demikian, kesusasteraan Tamil klasik tersebut belum lagi diterokai dari segi mendedahkan pemikiran yang dikongsi bersama oleh masyarakat Tamil awal. Menurut En. G.Sivapalan seorang pensyarah kanan di Universiti Malaya yang mengajar kesusasteraan Tamil, kebanyakan kajian KTK yang sedia ada adalah berbentuk sehala yang memberi tumpuan kepada aspek penjelasan maksud tanpa merangsang elemen berfikir dalam kalangan pelajar. Hal ini adalah kerana, kebanyakan tulisan yang sedia ada ditafsir mengikut cita rasa penulis ataupun berdasarkan ulasan awal yang diperolehi bagi teks KTK (G.Sivapalan, komunikasi persendirian, September 27, 2012). (Rujuk lampiran A).

Penganalisan terhadap konsep pemikiran masyarakat Tamil awal mendedahkan akan kewujudan pelbagai jenis pemikiran yang perlu didedahkan kepada dunia luar. Pendedahan ini perlu dilakukan secara sistematik dan terurus dengan menggunakan satu teori yang akan bertindak sebagai kerangka kajian. Namun demikian, kajian-kajian yang sedia ada tidak menggambarkan keseluruhan pemikiran masyarakat Tamil awal berdasarkan kesusasteraan Tamil klasik dari pelbagai aspek kehidupan.

Permasalahan kajian yang dibincangkan dalam bahagian di atas telah menjurus kepada penelitian teks KTK, supaya dapat mendedahkan pemikiran MTA kepada generasi muda hari ini. Berdasarkan kepada permasalahan ini pengkaji memberi fokus kepada beberapa aspek berdasarkan objektif-objektif seperti berikut.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk mencapai empat objektif. Iaitu:-

1. Mengkaji latar belakang kesusasteraan Tamil Klasik dan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K.
2. Mengenalpasti dan menganalisis pemikiran masyarakat Tamil awal, berdasarkan empat jenis pemikiran SPB4K yang dapat dikesan dalam kesusasteraan Tamil Klasik.
3. Menganalisis keserasian dan keunikan ciri-ciri tersendiri pemikiran masyarakat Tamil awal berdasarkan kesusasteraan Tamil klasik menerusi konsep pemikiran yang dibawa oleh Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K.

1.5 Soalan-Soalan Kajian

Sejurus dengan empat objektif utama yang ditetapkan bagi kajian semasa yang tertera di bahagian atas, beberapa soalan kajian dikenalpasti. Soalan-soalan kajian ini telah difikirkan secara mendalam dan teliti oleh pengkaji agar segala jawapan soalan-soalan ini dapat dileraikan dalam bahagian analisis kajian iaitu di bahagian 2.2, 2.3 , 3.3, 3.4, 4.3, 4.4, 5.3, 5.4, 6.3 dan 6.4 dalam kajian semasa. Berikut adalah soalan-soalan kajian tersebut.

1. Apakah latar belakang kesusasteraan Tamil klasik?
2. Apakah jenis-jenis pemikiran yang terdapat dalam dunia pendidikan?

3. Apakah empat jenis pemikiran yang digariskan oleh Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K?
4. Apakah aspek-aspek pemikiran MTA yang berkaitan dengan setiap jenis pemikiran yang dapat dikesan dalam KTK?
5. Apakah bidang-bidang yang dapat dihalusi dalam pemikiran MTA?
6. Bagaimanakah empat jenis pemikiran tersebut yang mempengaruhi pemikiran MTA?
7. Apakah faktor yang mendorong MTA mencapai kegemilangan dalam bidang-bidang tertentu?
8. Sejauhmanakah keserasian dan keutuhan pemikiran MTA yang digambarkan dalam hasil KTK melampaui Teori SPB4K?

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini yang dapat dihuraikan daripada skop kecil ke skop yang lebih besar. Pertamanya, kajian ini diharap dapat memenuhi lompang-lompang yang terdapat dalam bidang kajian KTK yang sedia ada. Kajian ini juga akan menyumbang kepada perkembangan tafsiran KTK dalam dunia akademik bahasa Tamil. Hal ini adalah kerana, dunia akademik memiliki garis panduan yang standard bagi menilai dan menganalisis sebarang hasil kesusasteraan.

Oleh yang demikian, satu penyelidikan yang sistematik yang mengutamakan pembinaan konsep dan teori akademik perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, kajian semasa dibuat berdasarkan sebuah teori yang belum pernah disentuh oleh kebanyakan pengkaji KTK. Setakat ini, Teori SPB4K hanya diguna pakai dalam penyelidikan

kesusasteraan Melayu oleh beberapa orang pengkaji tempatan. Tiada usaha daripada sarjana Tamil tempatan untuk memanfaatkan Teori SPB4K untuk menganalisis sebarang kajian KTK. Maka, kajian semasa ini dapat membawa input baru dalam usaha memperkenalkan alat-alat analisis yang sistematik yang diperkenalkan dalam Teori SPB4K. Oleh yang demikian, kajian ini dapat mengisi lompang-lompang yang terdapat dalam bidang kajian ini. Hal ini dapat dicapai menerusi pencarian jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian soalan-soalan kajian.

Oleh yang demikian, kajian ini mampu menyediakan suatu kerangka perbincangan bersifat akademik supaya segala perbincangan dalam kajian pemikiran MTA dapat dilaksanakan secara berkesan.

Keduanya, kajian ini juga penting untuk tatapan dan perbincangan masyarakat Tamil yang kurang arif dalam menentukan pemikiran MTA akibat pertembungan dengan dunia luar. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan input yang betul bagi generasi muda Tamil dalam proses mengenal dan memahami pemikiran MTA. Pemahaman ini penting untuk generasi akan datang sebagai penyambung warisan budaya bagi mengekalkan budaya yang bersifat cemerlang. Pendedahan ilmu dalam bidang ini dapat menaikkan imej dalam kalangan generasi muda hari terhadap MTA. Dengan itu, golongan generasi muda Tamil diharapkan akan menghargai dan menjejaki langkah kanan MTA yang maju dalam pelbagai bidang.

Ketiganya, peningkatan gejala sosial dalam kalangan masyarakat Tamil pada masa sekarang juga asas bagi menjadi kepentingan kajian ini. Memandangkan generasi muda Tamil semakin hanyut dengan pelbagai gejala sosial, suatu tindakan yang rasional dan objektif harus diambil dengan kadar segera. Oleh itu, kajian ini amat diperlukan

bagi menerapkan pemikiran dalam kalangan masyarakat Tamil melalui pendedahan komponen sastera KTK.

Keempatnya, kajian ini penting dari segi memenuhi aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin menerapkan elemen berfikir khasnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan Teori SPB4K yang mengaplikasikan empat jenis pemikiran dalam menganalisis pemikiran MTA. Oleh yang demikian, kajian ini dapat menyediakan platform kepada para pendidik dan pelajar dalam usaha menerapkan elemen berfikir menerusi bahan kesusasteraan.

Selain itu, kajian semasa juga dapat merangsang seseorang individu dari segi berfikir luar daripada jangkaan iaitu berfikir *out of the box*. Usaha ini akan membawa kepada penemuan dimensi baru dalam tafsiran KTK yang boleh digunakan dalam pelbagai tujuan. Ini adalah kerana kajian ini memberi cadangan mengenai penggunaan alat-alat berfikir ke atas penganalisisan terhadap teks KTK. Oleh itu, kajian ini juga diharap akan memberikan satu paradigma baru terhadap penganalisan KTK dengan merangsang kemahiran berfikir berstruktur dalam kalangan pelajar dan para penyelidik.

Akhirnya, kajian ini diadakan kerana ianya membawa kepentingan kepada kemajuan bangsa dan negara. Penggunaan bahan kesusasteraan iaitu KTK sebagai wahana untuk menerapkan pemikiran dalam kalangan pelajar adalah selaras dengan agenda negara yang ingin melihat pembentukan masyarakat yang berinovatif dan kreatif. Pendedahan kepada keempat-empat pemikiran secara bersepadu juga diharap dapat melahirkan masyarakat yang madani. Oleh yang demikian, pemikiran MTA dalam KTK diharap dapat dijadikan pegangan universal yang dapat dikongsi bersama

oleh semua lapisan masyarakat Malaysia. Keadaan ini akan membawa satu hubungan yang baik antara penduduk yang berbilang bangsa sambil mengeratkan perpaduan antara kaum.

1.7 Kajian Literatur

Kajian-kajian lepas terhadap kehidupan MTA berasaskan KTK oleh para pengkaji sering dikaitkan dengan ciri-ciri kehidupan masyarakat Tamil dari segi politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, kajian terhadap pemikiran yang tersirat di sebalik kehidupan MTA belum diteliti sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian awal yang menunjukkan sedikit sebanyak perkaitan dengan tajuk kajian semasa iaitu, Pemikiran Masyarakat Tamil Awal Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik.

Tajuk kajian ini dipilih sebagai kajian tesis berdasarkan tinjauan yang telah dibuat terhadap kajian-kajian terdahulu. Secara amnya, kajian-kajian terdahulu yang dijalankan terhadap KTK dan MTA dapat dilihat dalam beberapa bidang seperti berikut:-

- a. Kajian terhadap kosep kesusasteraan, kesusasteraan Tamil dan KTK.
- b. Kajian terhadap konsep budaya dan pemikiran.
- c. Kajian terhadap Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K.
- d. Kajian MTA berdasarkan teks KTK.
- e. Kajian terhadap tema *akam* dalam kesusasteraan Tamil kalsik.
- f. Kajian terhadap tema *puram* dalam KTK.
- g. Kajian terhadap pemikiran MTA.
- h. Kajian ilmiah terhadap KTK.

a. Kajian Terhadap Konsep Kesusasteraan, Kesusasteraan Tamil dan Kesusasteraan Tamil Klasik

Bidang pertama yang berkaitan dengan tajuk kajian semasa ialah kajian terhadap terhadap konsep kesusasteraan. Konsep kesusasteraan merangkumi pemahaman terhadap konsep kesusasteraan secara am, sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil dan konsep KTK. Pemahaman konsep-konsep ini penting bagi mendalami konsep kesusasteraan serta memahami sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil sebelum memokuskan kajian terhadap KTK.

i. Konsep Kesusasteraan

Konsep yang mendasari kajian semasa ialah konsep kesusasteraan yang mendedahkan ciri-ciri hasil kesusasteraan, teori dan kepentingannya. Bagi tujuan tersebut kajian yang bertajuk, *An Introduction To The Study Of Literature* oleh William Henry Hudson (1913), merupakan sebuah kajian yang dapat memperjelaskan konsep kesusasteraan. Dalam kajian tersebut, Hudson menghuraikan unsur-unsur yang terkandung dalam kesusasteraan serta kepentingan hasil kesusasteraan kepada kemajuan kehidupan manusia. Kajian ini menghuraikan tentang beberapa aspek hasil kesusasteraan seperti kajian puisi, drama, fiksiyen dan pengkritikan dan penganalisan bahan sastera.

Sebuah lagi kajian yang menjelaskan konsep kesusasteraan ialah *Theory Of Literature* oleh Rene Wellek dan Austin Warren (1948). Kajian ini membicarakan perkaitan antara kesusasteraan dengan sejarah perkembangan manusia; kehidupan masyarakat manusia, tema dan persoalan dan unsur-unsur seni yang lain. Kajian berjudul, *Ilakkiyak Kalai* oleh A.S.Nyana Sambantan (1999) pula, mendedahkan

pendefinisian istilah kesusasteraan, ciri-ciri kesusasteraan, jenis-jenis kesusasteraan dan perkaitan bidang kesusasteraan dengan kehidupan manusia.

Salah sebuah lagi kajian yang berkaitan ialah kajian berjudul *Tamil Literature* oleh M. Purnalingam Pillai (1985). Kajian ini mengupas sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil klasik iaitu bermula daripada zaman klasik sehingga zaman moden. Didalam kajian ini ada huraian tentang kewujudan zaman Sangam, maklumat-maklumat mengenai antologi *Eṭṭuttokai*, dan *Pattuppāṭṭu*. Setiap satu teks yang terdapat dalam kedua-dua teks diperjelaskan secara am. Oleh yang demikian ianya dapat memberi satu gambaran am tentang kandungan hasil KTK.

Keempat-empat kajian yang dihuraikan di atas, membicarakan tentang sifat dan ciri-ciri kesusasteraan serta kepentingan dan faedah hasil kesusasteraan kepada dunia. Oleh yang demikian, ketiga-tiga kajian tersebut bertindak sebagai satu panduan untuk pengkaji memahami konsep kesusasteraan secara mendalam.

Salah seorang sarjana tempatan yang memberi sumbangan dalam bidang kesusasteraan Melayu ialah Mana Sikana. Beliau menghasilkan beberapa tulisan yang mengungkap konsep kesusasteraan seperti *Kritikan sastera: Pendekatan dan Kaedah* (1986), *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan* (2003), *Membina Keunggulan Tradisi Sastera* (2003) dan *Teori Sastera Malaysia Dalam Pembinaan dan Permatangannya* (2012). Kajian-kajian tersebut menjelaskan teori-teori sastera yang sedia wujud dalam dunia kesusasteraan Melayu, selain membincangkan mengapa teori-teori Barat kurang sesuai untuk digunakan sebagai instrumen ke atas mana-mana hasil karya masyarakat Timur. Oleh yang demikian, kajian ini menjadi panduan kepada

pengkaji untuk memahami dan membina konsep teori yang bersesuaian dengan kajian semasa.

An Introduction To Literary Theory oleh R. Lalitha (2006), merupakan sebuah lagi kajian yang menjelaskan teori-teori sastera yang wujud dalam dunia penyelidikan sastera. Kajian ini menghuraikan teori-teori kajian sastera seperti, teori formalisme, diologisme, struktualisme, post- modernisme, feminisme dan sebagainya. Kajian ini menyentuh tentang kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam setiap teori tersebut dan cara bagaimanakah teori tersebut patut digunakan sebagai instrumen dalam penyelidikan sesuatu hasil sastera. Kajian ini membantu pengkaji dalam proses mengidentifikasikan teori sastera yang sesuai bagi kajian semasa.

ii. Konsep Kesusasteraan Tamil

Terdapat beberapa kajian lepas yang membicarakan tentang konsep kesusasteraan Tamil khasnya dari segi sejarah perkembangannya. Antaranya ialah kajian oleh M. Varatharasan (2007) yang memenangi hadiah tertinggi kesusasteraan India, 'Sahitya Academy' kerana hasil penulिसannya yang berjudul, *Tamil Ilakkiya Varalāru*. Kajian ini membincangkan tentang sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil dari zaman klasik hingga ke zaman moden. Kajian ini turut menghuraikan tentang kewujudan zaman *Sangam*, kehidupan para penyair serta falsafah-falsafah yang diterapkan oleh KTK yang dapat memberi input-input yang berguna bagi kajian semasa.

Seorang lagi sarjana yang banyak memberi sumbangan dalam kajian terhadap kesusasteraan Tamil ialah C.Jesudasan (1961). Beliau menghasilkan sebuah buku yang berjudul, *A History Of Tamil Literature* yang mengupas sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil daripada zaman *Sangam* ke zaman moden iaitu sehingga lewat

tahun 1960. Kajian ini membantu pengkaji bagi mendapatkan satu pemahaman mendalam mengenai sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil khususnya KTK.

Putiya Nōkkil Tamil Ilakkiya Varalāru, oleh Tamilannal (1994), dan *Tamil Ilakkiya Varalāru* oleh C. Bala Subramaniam (1959), merupakan dua lagi kajian yang menjelaskan tentang sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil. Kajian-kajian ini memperincikan hasil kesusasteraan Tamil mengikut teks, tema dan persoalan, latar masyarakat, gaya bahasa, unsur bunyi dan nilai pengajaran. Hasil kajian-kajian berjudul, *History Of Tamil Language And Literature: Beginning To 1000 A.D*, oleh S.Vaiyapuri (1956) dan *Tamil Literature :Revised and Enlarged*, oleh M.Purnalingam Pillai (1985) menjelaskan konsep sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil secara mendalam. Kajian-kajian ini penting bagi pengkaji membina konsep KTK

Backiamary (2011) membincangkan sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil mengikut jenisnya dalam kajiannya yang berjudul, *Vakaimai Nōkkil Tamil Ilakkiya Varalāru*. Kajian ini membincangkan tentang kewujudan zaman *Sangam*, dan kandungan teks-teks KTK yang dapat memberikan banyak input bagi kajian semasa. Dalam bahagian kesimpulan pula, beliau membuat satu penganalisan terhadap keagungan dan keunikan KTK yang dilihat sebagai alat yang dapat membongkarkan zaman keemasan dan ketamadunan MTA.

Kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas yang mengungkap sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil yang dihuraikan dalam bahagian ini, dapat memberi satu gambaran kepada pengkaji memahami ciri-ciri kesusasteraan Tamil secara amnya.

iii. Konsep Kesusasteraan Tamil Klasik

Terdapat beberapa kajian lepas yang menjelaskan konsep KTK. Antaranya ialah, kajian berjudul, "*The Smile Of Murugan: On The Tamil Literature Of South India*, oleh Kamil Zvelebil (1973) Kajian ini membicarakan tentang kandungan setiap antologi yang tertera dalam KTK, masalah-masalah mengenalpasti sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil mengikut kronologi, penjelasan tentang tema *akam* dan *puram* struktur, tema dan persoalan, kewujudan pelbagai penyair, motif penulisan dan falsafah-falsafah yang didukung oleh KTK. Kajian ini membantu pengkaji memahami konsep KTK secara keseluruhan.

Kajian yang berjudul, *Caṅka ilakkiya varalāru: Mā.Rā,kaḷañciyam III* oleh M. Rasa Manikkanar (2010) merupakan sebuah lagi kajian yang membincangkan KTK secara spesifik. Kajian ini memperjelaskan kesemua lapan belas teks KTK yang terdapat dalam dua antologi teks Tamil klasik iaitu *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* dari segi latar masa, penyair, dan kehidupan MTA. Kajian ini memberi terhadap beberapa orang pemerintah zaman klasik iaitu, raja *Karikālan*, *Tiraiyan*, *Ōyamān*, *Nelikkōṭan* dan maklumat mengenai negara-negara yang diperintah oleh mereka. Kajian ini memuatkan penelitian tentang barang-barang perkakas dapur, makanan dan pakaian, permainan, amalan perhiasan diri dan bidang astronomi yang dipraktikkan oleh MTA. Oleh itu kajian ini membantu kajian semasa bagi memahami kehidupan MTA dari segi politik, ekonomi dan sosial secara amnya

Xavier S.Thani Nayagam (1966), seorang lagi sarjana yang menyumbang pelbagai tulisan terhadap MTA. Antaranya ialah buku berjudul, *Landscape and Poetry : A Study of Nature In Classic Tamil Poetry*. Kajian ini menjelaskan perhubungan

manusia dengan alam, lima jenis bentuk muka bumi dan perkaitan tempat tinggal dengan sistem kepercayaan dan konsep keagamaan MTA. Kajian ini memperbandingkan KTK dengan kesusasteraan yang lain seperti hasil kesusasteraan Sanskrit, Yunani dan Inggeris yang dapat mendedahkan keunikan KTK berbanding dengan hasil kesusasteraan yang lain.

Caṅkac Cevvīyal hasil tulisan C.Saradhambal (1993) merupakan sebuah lagi kajian yang menjelaskan KTK secara mendalam. Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada setakat man KTK ini dapat diulung sebagai karya yang mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi (*classicism*). Beliau dalam kajiannya menilai dan membandingkan nilai-nilai kesusasteraan berasaskan kesusasteraan Yunani dari segi tema, persoalan, watak dan perwatakan, nilai-nilai estetika dan latar tempat dan masyarakat dengan KTK. Penganalisaan terhadap buku-buku yang dihuraikan dalam bahagian ini dapat memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang kandungan dan ciri-ciri KTK. Pemahaman ini penting untuk pengkaji meneliti teks-teks KTK secara mendalam.

b. Kajian Terhadap Konsep Budaya dan Pemikiran

Bidang kedua yang berkaitan dengan kajian semasa ialah konsep budaya. Para sarjana mempunyai pelbagai tafsiran mengenai konsep budaya dan pemikiran. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kedua-dua konsep tersebut membantu pengkaji dalam usaha membuat satu rumusan mengenai konsep budaya dan pemikiran secara am.

i. Konsep Budaya

Terdapat beberapa kajian yang menjelaskan konsep budaya dan kebudayaan. Antara kajian terawal mengenai konsep kebudayaan yang pernah dihasilkan ialah kajian oleh E.B.Taylor. E.B Taylor menghasilkan sebuah kajian berjudul, *The Origin of Culture* (1958) dan *Primitive Culture* (1974) Kajian-kajian ini menyentuh beberapa aspek dalam konsep budaya seperti sejarah perkembangan budaya, kelangsungan hidup dalam budaya, emosi dalam bahasa peniruan dan unsur-unsur mitologi. Kajian ini menjelaskan konsep budaya terawal manusia daripada sudut seorang pakar antropologi, yang membantu pengkaji memahami dan membina konsep budaya yang relevan dengan kajian semasa.

Max Weber and the Sociology of Culture oleh Ralph Schroeder (1992) merupakan sebuah buku yang membincangkan kerja-kerja Max Weber dalam asas sosiologi moden. Menilai debat baru-baru ini tentang teori sosial Weber, Ralph Schroeder menilai teori sosial dan mengenal pasti tema utama dalam tulisan-tulisannya seperti sosiologi budaya. Selain itu, buku ini juga menawarkan pemahaman yang sistematik dan analisis sosiologi sejarah perbandingan Weber dan kebimbangan beliau dengan perubahan budaya. Ia juga menilai semula kepentingan pemikiran Weber, mengaitkannya khususnya kepada materialisme dan fungsionalisme, dan teori-teori Marx dan Durkheim. Analisis Ralph Schroeder ini menghasilkan konsep dan kaitan antara budaya dan kehidupan sosial yang terdiri daripada agama-agama dunia, dan kehidupan masyarakat moden. Oleh yang demikian buku ini membantu pengkaji dari segi memahami budaya sosial masyarakat secara amnya.

An Introductory Guide To Cultural Theory And Popular Culture oleh John Storey, (1993) merupakan sebuah lagi kajian yang penting. Buku ini membincangkan tentang teori-teori budaya. Beliau dalam kajiannya menjelaskan konsep budaya, ideologi dan budaya pop. Beliau menjelaskan tentang tradisi budaya dan peradaban mengikut pandangan beberapa orang sarjana. Kajian ini mendedahkan beberapa konsep penting dalam budaya iaitu kulturalisme, strukturalisme, marxisme, feminisme dan postmodernisme. Kajian ini membantu bagi pembinaan konsep budaya sebagai bagi kajian semasa.

Selain itu terdapat dua kajian yang mendedahkan konsep budaya iaitu *Key Concepts In Cultural Studies* oleh Maja Mikula (2008) dan *Cultural Studies: Theory And Practice*, oleh Chris Barker (2012). Kedua-dua kajian ini memberi satu penjelasan yang padat tentang istilah-istilah yang sering digunakan dalam kajian pendidikan budaya. Istilah-istilah tersebut yang disusun mengikut susunan abjad memudahkan pemahaman setiap kosa kata dengan baik. Antara kosa kata yang berkaitan yang dibincangkan ialah kod dan polisi budaya, fahaman feminism, gender, generasi, identiti, ideologi, pengetahuan, bahasa, budaya industri, budaya material, budaya pop, postmodernism, kuasa dan sebagainya yang dapat menghuraikan konsep budaya secara mendalam.

Politik dalam perspektif pemikiran falsafah dan teori oleh David Miller & Larry Siedentop (1994) merupakan sebuah kajian yang membincangkan tentang teori politik yang tumbuh daripada dua tradisi akademik iaitu pemikiran politik dan falsafah politik. Kajian ini mengupas tentang teori budaya politik dari segi falsafah, ideologi, kekuasaan sosial dan pertarungan nilai-nilai. Kajian ini menjelaskan budaya politik masyarakat, persamaan politik dan kekuasaan majoriti, peranan peraturan serta kehidupan batin dan

sistem toleransi yang wujud dalam sesuatu organisasi politik. Kajian ini membantu pengkaji bagi memahami pemikiran politik sesuatu kumpulan masyarakat secara amnya.

Kajian yang berjudul, *Tafsiran Budaya: Esei Pilihan Clifford Geertz* oleh Rohani Sulaiman, (2008), merupakan sebuah lagi kajian yang menjelaskan konsep kebudayaan. Kajian ini menghuraikan teori tafsiran budaya, kesan konsep budaya ke atas manusia dan bagaimanakah pertumbuhan budaya dapat membawa kepada perkembangan minda sambil mendedahkan elemen agama dan ideologi sebagai sistem budaya. Kajian ini membantu pengkaji mendalami konsep budaya yang mempengaruhi pemikiran sesuatu kumpulan masyarakat.

Kajian yang bertajuk, *Panpāṭṭu Māṇṭaviyal* oleh Bhakthavatsala Bharathi (2011), membincangkan tentang sejarah perkembangan manusia, teori-teori kemanusiaan, corak-corak kebudayaan, dan sistem kehidupan sosial yang terdiri daripada kehidupan berkeluarga, perkhawinan, agama dan kepercayaan, dan cara-cara pencarian makanan. Kajian ini mendedahkan perkembangan susunan corak pentadbiran politik dan peraturan-peraturan kehidupan sosial masyarakat secara amnya. Kajian ini membantu pengkaji memahami konsep kebudayaan secara mendalam.

Sarjana tempatan yang memberi sumbangan dalam usaha menjelaskan konsep kebudayaan ialah Rohana Yusof (2010). Beliau telah yang menghasikan sebuah tulisan berjudul, *Asas Sains Sosial: Dari Perspektif Sosiologi*. Kajian ini menghuraikan beberapa konsep budaya seperti masyarakat, institusi politik, ekonomi dan sosial, yang merangkumi institusi pendidikan, dan institusi agama. Kajian ini membantu pengkaji dalam usaha membina konsep budaya bagi kajian semasa.

Sebuah lagi kajian yang menyentuh tentang konsep kebudayaan ialah kajian yang berjudul, *Metodologi Penelitian Kebudayaan* oleh Suwardi Endraswara (2006). Kajian ini memperjelaskan karakteristik penelitian kebudayaan dari segi konsep dan konteks. Kajian ini juga menyentuh elemen dimensi budaya dan ciri-ciri budaya. Kajian ini menjelaskan tentang beberapa teori penelitian kebudayaan seperti evolunisme, fungsionalisme, strukturalisme, teori postmodernisme dan postkolonial yang menjadi landasan bagi pemahaman konsep dan teori bagi kajian semasa.

G. Manimaran (2008) merupakan seorang sarjana tempatan yang menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang berjudul, *Penampilan Nilai-Nilai Budaya Dalam Puisi Tamil Malaysia*. Kajian ini menyentuh beberapa aspek kebudayaan dan hubungan budaya dengan konsep ketamadunan. Kajian ini meneliti sistem normatif yang terdiri daripada adat resam, intitusi kekeluargaan, masyarakat, sistem politik negara, dan pendidikan yang berdasarkan budaya ekspresif dan budaya kebendaan. Komponen budaya ekspresif terdiri daripada bentuk kesenian dan lambang dan budaya kebendaan yang daripada peralatan rumah, barang-barang kemas dan perhiasan, peralatan muzik tradisional, alat-alat pengangkutan, senjata-senjata peperangan, alat-alat tulis, peralatan kerja, penggunaan matawang, dan pelbagai peralatan kebudayaan diperjelaskan. Kajian ini membantu pengkaji membina konsep budaya bagi kajian semasa.

Kajian-kajian yang dibincangkan dalam bahagian ini mendedahkan komponen-komponen yang terdapat dalam bidang budaya yang dapat membantu pengkaji bagi membina gambaran menyeluruh mengenai konsep budaya yang berkaitan dengan kajian semasa.

ii. Konsep Pemikiran

Pemikiran merupakan salah satu cabang dalam bidang budaya yang mendasari kajian semasa. Terdapat beberapa kajian yang mentakrifkan konsep pemikiran secara mendalam. Antaranya ialah kajian yang berjudul, *How We Think* hasil karangan John Dewey (1933) seorang pelapor awal dalam kajian terhadap konsep pemikiran. John Dewey yang dianggap sebagai bapa pemikiran moden Amerika Syarikat dalam kajiannya menghuraikan konsep pemikiran, faktor-faktor yang mempengaruhi konsep pemikiran dan bagaimana konsep pemikiran dapat diterapkan kepada masyarakat. Kajian ini banyak membantu kajian semasa.

Kajian berjudul *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan* oleh John Arul Philips (1999), pula menjelaskan komponen biologi dan psikologi dalam bidang pemikiran, proses pemikiran, kemahiran berfikir serta penilaian ke atas proses kemahiran berfikir dan bagaimanakah kemahiran berfikir dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memberi pendefinisian tentang istilah pemikiran dan bagaimana pemikiran itu mempengaruhi tingkahlaku manusia. Kajian ini relevan dengan kajian semasa dalam proses pembinaan konsep pemikiran.

Dua orang sarjana tempatan yang membuat pelbagai kajian terhadap konsep pemikiran ialah Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. Antara kajian-kajian yang dihasilkan oleh kedua-dua sarjana tersebut termasuklah, *Kursus berfikir Tinggi* (1995), *Memahami Pemikiran Lateral* (1997), *Teknik Berfikir: Konsep dan Proses* (2000), *Kursus Berfikir Untuk Kolej dan Universiti* (2001), *Belajar berfikir* (2003), *Pemikiran Lateral* (2003), *Berfikir Secara Logik & Kritis: Panduan Meningkatkan Ketajaman Analisis dan Membuat Keputusan* (2005), dan *Pandai Berfikir* (2005). Kajian-kajian ini

membincangkan tentang konsep pemikiran, jenis-jenis pemikiran dan bagaimanakah pengaruh kognitif dan psikologi mempengaruhi pemikiran seseorang. Buku-buku yang dihasilkan oleh kedua-dua sarjana ini, membantu pengkaji dalam proses memahami dan mendalami konsep pemikiran secara mendalam.

N.S.Rajendran merupakan salah seorang lagi sarjana tempatan yang memberi sumbangan terhadap kajian ke atas konsep pemikiran. Antara kajian beliau yang sangat membantu kajian semasa ialah kajian berjudul *Higher Order Thinking Skills: Theory & Practice* (2013). Kajian ini mengupas akan komponen dalam konsep pemikiran khasnya kemahiran pemikiran aras tinggi iaitu KBAT. Kajian ini mengupas akan komponen-komponen dalam pemikiran dan bagaimanakah ianya dapat digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau membentangkan beberapa kertas kerja bertajuk, *Bahasa Melayu: Penyumbang Ke Arah Penguasaan Kemahiran Aras Tinggi* (2002) dan dua kertas kerja bertajuk, *Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi* (2000) dan *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran* (2001). Ketiga-tiga kertas kerja tersebut membantu pengkaji membuat analisis terhadap KTK, khasnya dari segi kemahiran berfikir aras tinggi.

Terdapat beberapa lagi kajian yang membincangkan tentang komponen-komponen pemikiran secara spesifik. Antaranya ialah tulisan oleh Edward de Bono yang menghasilkan pelbagai penulisan tentang bidang pemikiran khasnya tentang pemikiran lateral. Antara kajian beliau ialah, *Six Thinking Hats* (1987), *Lateral Thinking: A Textbook of Creativity* (1990), *Lateral Thinking for Management: A Handbook* (1990), *Teaching Thinking* (1991), *Parallel Thinking: From Socratic to de Bono Thinking* (1995), *Six Action Shoes* (1996), *Teach Yourself To Think* (1996),

Thinking Course (2000) dan *The Free Mind: A Lateral Thinking Approach* (2008). Kajian-kajian ini membantu pengkaji mendalami konsep pemikiran lateral yang menjadi salah satu cabang pemikiran dalam Teori SPB4K.

Thought & Knowledge: An Introduction To Critical Thinking, Diane F. Halpern (1996) dan, *Critical Thinking: What Every Person Needs To survive In A Rapidly Changing World* oleh Richard W. Paul (1993), merupakan dua buku yang menjelaskan kepentingan pemikiran kritis yang berkaitan dengan pemikiran logik, Selain mencari hubungan antara pemikiran dengan bahasa, kajian-kajian ini menghuraikan keperluan mencari alasan, membuat argumen, berdasarkan hipotesis yang dibuat. Kajian-kajian ini membantu pengkaji memahami pemikiran logik secara mendalam.

Tony Buzan merupakan seorang sarjana yang menulis tentang perkembangan otak manusia. Antara kajian-kajian beliau ialah *Make The Most Of Your Mind* (1998) dan *The Mind Map Book* (2003). Kajian-kajian ini membincangkan akan peranan otak sebagai agen pemikiran, sejarah perkembangan kajian tentang otak, pembahagian otak kepada dua hemisfera, cara-cara meningkatkan keupayaan peringatan, cara berfikir dan cara mencari penyelesaian masalah yang baik. Kajian ini membantu pengkaji memahami konsep pemikiran kebitaraan yang berkaitan dengan perkembangan otak secara mendalam.

'*The whole Brain Learning Theory In Educations*' karangan Joyce Diena Schulz Maed merupakan sebuah lagi kajian yang membincangkan tentang teori otak secara keseluruhan. Kajian ini juga membincangkan akan otak kanan dan otak kiri serta kepentingan penggunaan kepelbagaian kecerdasan dalam bilik darjah. Kajian ini

membantu pengkaji memahami konsep Pemikiran Kebitaraan yang berkaitan dengan otak dengan sebaiknya.

c. Kajian Terhadap Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K/4L yang digunakan sebagai teori dalam kajian semasa. Kajian-kajian tersebut dapat dibahagikan kepada kajian-kajian yang membincangkan Teori SPB4K itu sendiri dan kajian-kajian ilmiah yang mengguna pakai teori tersebut sebagai instrumen kajian.

i. Konsep Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K

Terdapat beberapa bahan kajian yang berkaitan dengan konsep Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K yang dihasilkan oleh Mohd. Yusof Hasan. Antara kajian yang dihasilkan oleh Mohd Yusof Hasan ialah, *Pemikiran Sainifik: SPB4L* (2002), *Teori Pendidikan: Pemikiran Global* (2007) , *Pembinaan Teori Pendidikan: Pemikiran UPSI* (2007), *Pemikiran Mahathir Mohamad: Kesenambungan Gelombang Keintelektualan Melayu Global Dari Abdullah Munshi dan Za'ba* (2008), dan *Minda Melayu Global* (2012). Kajian-kajian ini menghuraikan konsep Teori SPB4K yang terdiri daripada Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan, dan Pemikiran Kekreatifan. Pengkaji menggunakan bahan-bahan di atas bagi memahami konsep Teori SPB4K secara mendalam.

Ani Omar telah menghasilkan sebuah kajian berjudul, *Aspresiasi Teori Kesusasteraan Melayu* (2011), yang mengutarakan beberapa sub topik seperti

Pembangunan Modal Insan dalam Puisi Tradisional dari perspektif Teori SPB4K, Pantang Larang di kalangan Orang Melayu: Analisis dari perspektif Teori SPB4K, Puisi-Puisi Alam Siber dari Sudut Teori SPB4L, Kritikan Novel Cinta Madinah karya Abu Hassan Morad dari perspektif Teori SPB4L/K, Persoalan dan Pemikiran Tamadun Melayu-China dalam Novel Air mata Ibu Karya Soo Cham dari perspektif Teori SPB4L/K dan Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Aplikasi terhadap Teori SPB4K. Buku-buku ini boleh dijadikan panduan bagaimana untuk memahami cara meneliti sesuatu bahan kesusasteraan berdasarakan Teori SPB4K.

Teori SPB4L turut dibincangkan oleh Mohammad Azmi Ab. Rahman (2007), seorang pensyarah di Universiti Utara Malaysia dalam kertas kerjanya yang bertajuk, *Merungkai dan Mengaplikasikan Sebuah Teori Sastera Mandiri: Teori SPB4L*. Dalam kertas kerjanya itu, beliau membincangkan aspek pemikiran dalam peribahasa Melayu sebagai salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional berdasarkan Teori SPB4L. Pada pandangan Mohammad Azmi Ab. Rahman Teori SPB4L masih dalam proses menuju ke arah kematapan dan titik kesempurnaan. Kajian-kajian yang dibincangkan dalam bahagian ini membantu pengkaji memahami konsep pemikiran 4L/4K yang dibawa oleh Teori SPB4K secara mendalam.

ii. Kajian Ilmiah Yang Berdasarkan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K (SPB4L/4K)

Terdapat beberapa kajian-kajian ilmiah peringkat sarjana dan doktor falsafah yang menggunakan Teori SPB4L/4K sebagai teori untuk mendekati kajian terhadap kesusasteraan. Antaranya ialah, kajian oleh Ani Omar (2005) yang bertajuk, *Citra Manusia dan Kemanusiaan Dalam Puisi Melayu Moden di Malaysia*. Berdasarkan

Teori SPB4L, Ani Omar menganalisis *Kumpulan Puisi Kanak-kanak Jasa Ibu* (JI) karya Zainal Abdul Kadir. Kajian ilmiah ini merupakan kajian pertama yang menjadikan Teori SPB4L bagi mengkaji puisi Melayu moden. Penelitian tesis ini dapat menjelaskan bagaimanakah Teori SPB4L dapat digunakan dalam penyelidikan kesusasteraan.

Proses Kreatif Dan Pemikiran : Kajian Puisi A. Wahab Ali Dan Kemala oleh Ghazali Bin Din (2010) merupakan sebuah kajian ilmiah bagi peringkat sarjana yang dihasilkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini meneliti bagaimanakah A. Wahab Ali Dan Kemala menggunakan pemikiran kekreatifan dalam penghasilan puisi mereka. Dalam hal ini, Ghazali Bin Din menjadikan Teori SPB4L sebagai salah satu modul kajiannya, selain melihat model MG Taylor yang mengutarakan tujuh proses yang terdapat dalam proses pemikiran kreatif. Kajian ini memberi panduan kepada pengkaji untuk memahami cara menggunakan Teori SPB4L dalam proses kajian terhadap mana-mana hasil kesusasteraan.

Rohana Isahak (2012), merupakan seorang lagi sarjana tempatan yang menggunakan Teori SPB4K. Beliau telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk, *Pemikiran Dalam Puisi Melayu Teks Komsas Dari Sudut Teori SPB4L*. Kajian ini mengaplikasikan Teori SPB4L untuk mengenalpasti dan menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam puisi-puisi Melayu teks Komponen bahasa Melayu (KOMSAS) dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Kajian ini memberi satu gambaran kepada pengkaji untuk memahami cara mendekati sesebuah puisi tradisional berdasarkan Teori SPB4L.

Kajian yang menampakkan input yang lengkap tentang Teori SPB4K ialah kajian ilmiah yang berjudul, *Pembinaan Model Insan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Prosa Melayu Tradisional Komsas* oleh B.Mahaletcimi (2010). Kajian ini memperlihatkan kesungguhan penulis dalam usaha menjelaskan dan mengaitkan Teori SPB4L dengan proses pengajaran dan pembelajaran Prosa Melayu Tradisional Komsas. Kajian ini membantu pengkaji bagi mendapatkan satu pemahaman tentang Teori SPB4K.

Seorang lagi sarjana yang menjadikan Teori SPB4K sebagai teori dalam hasil kajian ialah Duris Anjan (2009). Beliau menghasilkan sebuah kajian yang berjudul, *Unsur Perjuangan Kanak-Kanak Dan Remaja Dalam Novel Sungai Yang Hilang, Karya Zulkifli, Karya Zulkifli Mansor*. Dalam kajian ini, beliau menganalisis setiap unsur perjuangan watak di dalam novel berpandukan Teori SPB4K bagi mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang patut ada pada diri seseorang manusia.

Terdapat sebuah kajian yang dibuat oleh Mariati Mat Salleh @ MD Nor (2009) bagi peringkat sarjana yang bertajuk, *Antiologi Puisi Sumur Mahmudah, Mawaddah Dan Anugerah: Analisis Teori SPB4L* di Universiti Putra. Kajian ini meneliti dan mengenalpasti setakat mana Teori SPB4L dapat dikesan dalam *Antiologi Puisi Sumur Mahmudah, Mawaddah Dan Anugerah*. Sebagai hasil kajian, Mariati berpendapat bahawa Teori SPB4L sesuai digunakan bagi mendedahkan elemen pemikiran dalam mana-mana puisi tradisional.

Terdapat dua buah lagi kajian ilmiah peringkat ijazah sarjana iaitu, kajian bertajuk, *Kumpulan Puisi Sungai Hayat Karya Jair Sulai: Analisis Teori SPB4L* oleh Sarinah Mustafa (2009) dan yang kajian yang berjudul, *Nilai-Nilai Insaniah dalam*

Kumpulan Puisi Anismas AR Dayang Nor Azizah (2009). Kedua-dua kajian ilmiah ini menggunakan Teori SPB4L bagi mendedahkan keempat-empat pemikiran yang terdapat dalam hasil puisi yang dikaji.

Penganalisan terhadap kajian-kajian lepas yang dijalankan terhadap hasil kesusasteraan berdasarkan Teori SPB4L/4K didapati hanya dihasilkan di Universiti Perguruan Sultan Idris dan di Universiti Putra Malaysia sahaja. Kajian-kajian ilmiah di atas menjadi panduan dan membantu pengkaji memahami bagaimanakah Teori SPB4K dapat digunakan sebagai instrumen dalam proses penyelidikan KTK.

d. Kajian Terhadap Masyarakat Tamil Awal Berdasarkan Teks Kesusasteraan Tamil

Terdapat beberapa kajian-kajian lepas yang menjurus ke arah perbincangan terhadap konsep kebudayaan dan ketamadunan yang berkaitan dengan cara hidup MTA. Kajian-kajian lepas ini menjelaskan cara hidup MTA yang merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial secara amnya.

A. Thatcinamoorthy (2005) dalam kajiannya yang berjudul, *Tamilar Nākarikamum Paṅpāṭum*, memberi pandangan yang menyeluruh tentang pendefinisian konsep budaya dan cara hidup MTA dari zaman klasik. Kajian ini mendedahkan corak hidup MTA pada zaman *Sangam* dari segi kedudukan politik, peperangan, struktur sosial, sistem perkahwinan, prinsip masyarakat tentang sistem kekeluargaan, amalan agama, kesenian dan sebagainya. Kandungan kajian ini relevan untuk kajian semasa kerana ianya mendedahkan budaya MTA dari segi politik dan sosial.

Tamil Culture And Civilization; Readings: The Classical Period oleh Xavier S.Thani Nayagam (1997), merupakan sebuah kajian yang meneliti tentang kehidupan ekonomi dan sosial MTA. Beliau dalam kajiannya membincangkan bidang kesenian yang merangkumi seni bina, musik, tarian, dan sebagainya. Kajian ini mendedahkan kehidupan MTA di desa dan di kota, kegiatan perdagangan inter regional dan intra regional, dan sistem kepercayaan yang telah dipraktikkan oleh MTA.

Sebuah lagi kajian yang membincangkan tentang kehidupan MTA dari segi politik, ekonomi dan sosial ialah *The Tamils Eighteen Hundred Years Ago* oleh V.Kanakasabhai (1989). Kajian ini mendedahkan cara hidup MTA dalam zaman kira-kira 1800 tahun dahulu. Dalam kajian ini, V.Kanakasabhai menerangkan cara hidup MTA dari segi sistem pentadbiran, kegiatan perdagangan, dan organisasi sosial masyarakat. Beliau turut mengkaji tiga jenis kerajaan iaitu kerajaan *Chola*, *Pandiya* dan *Chera* yang wujud pada zaman tersebut. Dalam bidang sosial pula, kajiannya menjurus kepada penggunaan alat perhiasan diri, pakaian, kebebasan kaum wanita dan kehidupan di kota dan mendedahkan sistem kepercayaan terhadap Tuhan yang wujud pada zaman tersebut.

Sebuah kajian yang mirip kepada kajian di atas ialah *History Of The Tamils From The Earliest Times To 600 A.D.* oleh P.T.Srinivasa Iyengar (1995). Kajian ini mendedahkan kehidupan MTA sehingga tahun 600 masihi. Kajian ini menjelaskan perkembangan kesusasteraan Tamil dan bagaimanakah KTK dapat membebaskan diri daripada pengaruh bahasa Sanskrit serta sejarah kewujudan tiga jenis *Sangam*. Terdapat juga kajian terhadap beberapa orang raja seperti raja *Karikālan*, *Iḷantiraiyan*, *Utayan* dan sebagainya dalam kajian ini dapat memberi satu gambaran menyeluruh tentang sistem politik MTA.

Seterusnya, kajian yang berjudul, *Tamiḷar Paṅpāṭu* oleh S.Vaiyapuri Pillai (1955) merupakan sebuah tulisan yang menjelaskan kebudayaan MTA. Kajian ini membincangkan beberapa tajuk kecil seperti, cara hidup MTA yang digambarkan dalam teks *Puranānūru* dan perasaan kecintaan yang digambarkan dalam teks *Akanānūru*. Kajian ini mendedahkan bahawa beberapa aspek budaya MTA yang mendasari cara hidup seharian yang mempunyai kaitan dengan kajian semasa.

Suatu lagi kajian yang membantu kajian semasa ialah, kajian berjudul, *Cultural Heritage of Ancient Tamils* oleh C. Kathir Mahadevan (1981). Kajian ini memberikan penjelasan mengenai keunikan budaya masyarakat Tamil, hubungan kebudayaan masyarakat Tamil dengan alam sekitar dan falsafah hidup MTA. Kajian ini mendedahkan cara hidup MTA dalam bidang sains, kesenian, keagamaan dan pentadbiran. Kajian ini membantu pengkaji dalam usaha mendedahkan pemikiran kerohanian, kesaintifikan dan kekreatifan yang relevan kepada kajian semasa.

Kajian yang berjudul, *Tamiḷaka Varalārum Paṅpāṭum* oleh V.T.Cellam (2000) merupakan sebuah lagi kajian yang perlu diberi perhatian. Kajian ini menjelaskan sejarah perkembangan wilayah Tamil Nadu dan kebudayaan MTA yang merangkumi sistem pentadbiran, sistem pendidikan, perkembangan kesenian dan kewujudan pelbagai amalan kepercayaan MTA hingga ke masyarakat Tamil moden. Kajian ini mendedahkan perkembangan dan aliran secara kronologi kebudayaan masyarakat Tamil. Kajian dan penganalisisan terhadap fakta dalam kajian ini dapat memberi input kepada pembinaan konsep tentang aspek kebudayaan manusia dan kebudayaan MTA.

Sebuah lagi kajian yang mirip kepada kajian di atas ialah *Tamil Culture : Religion, Culture & Literature* oleh A. Krishnan (2000). Kajian ini menjelaskan konsep

kebudayaan MTA dan perincian terhadap dua antologi zaman *Sangam* iaitu *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu*. Kajian ini menganalisis kehidupan sosial MTA dari segi agama, kesusasteraan dan sebagainya. Kewujudan pelbagai susun lapis masyarakat yang terdiri daripada *munivar*, *antaṇar* dan para raja yang terdiri daripada *Pāri*, *Pēkan*, *Kāri*, *Atikan*, *Nalli*, *Ōri*, *ḷantiraiyan* dan sebagainya turut diteliti dalam kajian ini. Kajian ini membantu pengkaji untuk mendapatkan satu pemahaman yang menyeluruh tentang kesemua teks-teks klasik iaitu *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* dan cara hidup sosial MTA.

K.K.Pillai (1969), juga merupakan antara sarjana yang membuat kajian terhadap MTA. Kajian beliau berjudul, *A Social History Of The Tamils*. Beliau dalam kajiannya menjelaskan tentang sejarah kehidupan masyarakat Tamil berdasarkan KTK. Selain menjelaskan konsep *tiṇai* (keadaan bentuk mukabumi) dan perkaitannya dengan cara hidup masyarakat, kajian ini menjelaskan tentang amalan-amalan kehidupan seharian, sistem pendidikan, agama dan kepercayaan dan sebagainya yang diamalkan oleh MTA. Namun demikian, kajian ini bersifat am kerana beliau tidak menyatakan sumber-sumber rujukkan secara spesifik.

Kajian yang berjudul, *Tamil History* oleh N.Subramanian (1997) merupakan sebuah kajian yang meneliti kehidupan sosial MTA. Menerusi kajian ini beliau menganalisis struktur susun lapis masyarakat Tamil, kewujudan pelbagai institusi dan peranannya serta amalan nilai dan keutuhan budaya MTA. Tulisan ini membantu pengkaji untuk memahami kehidupan sosial MTA secara umum.

P.Subramanian (1999) merupakan seorang lagi sarjana yang mengkaji kehidupan sosial MTA. Kajiannya yang berjudul, *Social History of The Tamils*, mengkaji amalan sistem kasta, kehidupan dalam keluarga majmuk dan tanggungjawab

wanita dalam keluarga tersebut. Beliau turut mengkaji corak kehidupan seharian masyarakat desa dan bandar, kepentingan tanah sebagai tempat tinggal dan kesesuaian dari segi kegiatan ekonomi, fahaman agama, sistem pendidikan, seni musik, tarian, drama, lukisan dan seni bina. Kajian beliau bersifat menyeluruh iaitu mengkaji kehidupan MTA hingga ke masyarakat Tamil moden dan banyak membantu pengkaji dalam usaha memahami kehidupan sosial MTA.

Kajian yang berjudul, *Tamiḷar Cāḷpu* oleh S.Vityanathan, (1954) merupakan sebuah kajian yang membincangkan kehidupan MTA dari segi politik, ekonomi dan sosial. Dalam bidang politik, kajian dijalankan terhadap tiga kerajaan awal MTA yang diterajui oleh raja *Cōḷaṅ*, *Cēraṅ* dan *Pāṅṅiyaṅ* serta sistem pentadbiran ketiga-tiga kerajaan tersebut. Dalam bahagian ini kajian terhadap peperangan dan sistem percukaian diperjelaskan. Dalam bidang sosial pula, sistem kepercayaan terhadap Tuhan, cara kehidupan masyarakat yang hidup di tanah *Mullai*, *Kuṛiṅci*, *Marutam*, *Neytal* dan *Pālai* dikaji. Selain itu, kajian ini mendedahkan kedudukan wanita dari segi hobi, alat-alat perhiasan dan pakaian mereka. Dalam bahagian ini juga didedahkan tentang bidang kesenian seperti jenis-jenis musik dan alat-alatnya, tarian-tarian dan sistem pendidikan yang diamalkan oleh MTA diperjelaskan. Kajian ini turut menyentuh tentang bidang ekonomi MTA iaitu, jenis-jenis kegiatan ekonomi dan sistem perdagangan yang diamalkan.

Kajian yang bertajuk, *Caṅka Kāla Vāḷviyal: Caṅka Tamiḷariṅ Aracu Muraiyum Camūka Vāḷyum* oleh N.Subramanyan (1986) merupakan sebuah lagi kajian yang relevan dengan kajian semasa. Kajian ini menghuraikan bidang politik, ekonomi dan kehidupan sosial MTA. Dalam bidang politik, peranan raja, duta, para pembesar, proses peperangan, sistem perundangan, hukuman dan penjara diperjelaskan, manakala dalam

bidang ekonomi pula sistem percukaian, matawang, kegiatan ekonomi MTA seperti kegiatan pertanian, perdagangan dan kraftangan diperjelaskan. Dalam bidang sosial pula, sistem susun lapis masyarakat, kedudukan kaum wanita, sistem perkawinan, kepercayaan, kesenian, permainan, pendidikan dan sebagainya diperjelaskan.

Selain ini, kajian yang berjudul, *Caṅkakālat Tamiḷar Vāḷvu* oleh L.Ramanathan (1958) juga perlu diteliti. Kajian ini mendedahkan kehidupan MTA dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Kehidupan berkeluarga, sistem pentadbiran, kegiatan ekonomi masyarakat, amalan pemakanan dan cara berpakaian dan kesenian tradisional menjadi skop kajian ini. Selain daripada itu, kajian yang berjudul, *Caṅka Nūḷ Kaṭṭuraikaḷ Allatu Paḷantamiḷar Nākarīkam* oleh S.Bala Sundaran (1956) pula menjelaskan perkara yang sama. Beliau dalam kajiannya menyentuh topik-topik seperti sistem pemerintahan raja dan cukai, pendidikan, seni drama, musik, dan sistem kepercayaan kepada Tuhan. Kajian ini yang mengkaji bidang politik, ekonomi dan sosial MTA dapat memberi satu penjelasan mengenai budaya MTA.

Sebuah lagi buku yang membicarakan budaya MTA ialah kajian oleh N.Devaneyapavanar (2009) yang berjudul, *Paṅṅait Tamiḷ Nākarīkamum Paṅṅāṭum*. Dalam tulisan ini terdapat maklumat-maklumat mengenai pemikiran kerohanian, amalan pekerjaan, bidang kesenian, perubatan, lukisan, pertukangan logam dan kedapatan beberapa kitab-kitab dalam bidang-bidang tertentu. Walaupun penjelasan dalam kajian ini bersifat umum dan tidak menyeluruh mengenai budaya MTA. Namun begitu ianya adalah berguna bagi kajian semasa.

Kajian-kajian lepas yang dihuraikan dalam bahagian ini dapat mendedahkan beberapa aspek cara hidup MTA dari segi politik, ekonomi dan sosial. Oleh yang

demikian, kajian-kajian di atas membantu pengkaji dari segi memahami konsep budaya MTA secara mendalam.

e. Kajian Terhadap Tema *Akam* Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik

Kajian terhadap tema *akam* menjurus kepada perbincangan terhadap cara hidup masyarakat yang bersifat emosi iaitu perasaan dalaman. Terdapat banyak kajian yang menyentuh tema tersebut secara detail. Antara kajian yang bertemakan *akam* ialah, *Akattiṇaik Koḷkaikal*, hasil karya N.Suppureddiyar (1981), seorang pakar penganalisis KTK. Kajian ini menghuraikan tema *akam* dari segi unsur-unsur yang terkandung dalam tema *akam*, watak dan perwatakan serta keistimewaan yang terdapat dalam tema *akam*. Maka, kajian ini secara langsung membantu pengkaji untuk menganalisis serta mentafsir pemikiran MTA dari segi tema *akam*. Selain itu, kajian ini juga menjadi landasan kepada pengkaji untuk membentuk asas-asas yang berguna bagi memahami dan mentafsir KTK.

Buku yang berjudul, *Tamiḷ Kātal* oleh Va. Cuba. Manikkam (2013) meneliti unsur *akam* dalam KTK. Kajian ini memperlihatkan kesungguhan pengkaji dalam usaha memberi satu pendefinisian yang baik dan menyeluruh tentang tema *akam*. Bab-bab dalam kajian ini seperti *akattiṇai ārāycci* (kajian tema *akam*), *akattiṇai pākupātu* (pembahagian tema *akam*), *akattiṇai puṛam* (perbandingan tema *akam* dan *puṛam*), *akattiṇaik kuṛikkōḷ* (objekti tema *akam*), *akattiṇai pāṭṭu* (puisi-puisi *akam*), *akattiṇai pulavarkaḷ* (para penyair puisi *akattiṇai*) dan *akattiṇaik kalvi* (pendidikan *akam*) memperjelaskan kenyataan di atas. Kesemua puisi dalam tema *akam* iaitu sejumlah 1862 turut dikaji sepenuhnya oleh beliau dari segi tema dan strukturnya. Kajian ini

membantu pengkaji bagi mendapatkan satu pemahaman tentang tema *akam* yang merupakan nadi utama dalam KTK.

Va.Cuba. Manikam (1989) juga menghasilkan sebuah lagi kajian yang berjudul, *Caṅka Neṛi* yang banyak membantu kajian semasa ini. Buku ini mempunyai 24 bab, dan dua bab dalam kajian ini iaitu *Tūya ilakkiyam* serta *Caṅka Neṛi* adalah amat berguna bagi penyelidikan semasa ini. *Tūya ilakkiyam* memberi pandangan tentang kesusasteraan *akam* manakala *Caṅka Neṛi* pula memberi pendekatan tentang pemikiran masyarakat Tamil pada zaman *Sangam* dari segi pelbagai aspek seperti konsep perikemanusiaan, sosial, dan pemikiran globalisasi. Perasaan dalaman MTA yang dibincangkan dalam buku ini membantu pengkaji memahami pemikiran masyarakat tersebut.

Sebuah lagi kajian yang membincangkan tema *akam* ialah hasil kajian yang berjudul, *Aka poruḷ teḷivu* oleh M.Gurusamy & T. Leelawathy (1998). Kajian ini menjelaskan pendefinisian tema *akam* dari perspektif teks *Tolkāppiyam*. Selain daripada itu, kajian ini menyentuh bagaimana proses percintaan yang berlaku antara seorang teruna dan seorang gadis serta halangan-halangan yang perlu dilalui oleh pasangan tersebut. Kajian ini mendedahkan bagaimana nilai kasih sayang dan kecintaan dapat membawa kepada satu kehidupan yang aman dan bahagia dalam kalangan MTA.

f. Kajian Terhadap Tema *Puṛam* Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik

Terdapat beberapa kajian yang membicarakan tema *puṛam* yang terdapat dalam KTK. *Puṛam* bererti bahagian luar ataupun apa yang kita boleh lihat. *Puṛam* dalam konteks KTK menandakan keperwiraan yang berkait rapat dengan nilai keberanian,

perbuatan mulia, murah hati, keadilan dan sebagainya. Bagi MTA kehidupan politik tidak dapat dipisahkan daripada nilai keperwiraan. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan tema *puram* yang merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial seperti berikut:-

i. Bidang Politik

Kajian yang berjudul, *Caṅka Ilakkiyattil Vēntar* oleh R.Ramalingam (1987) mengkaji tentang peranan pemerintah sebagai peneraju sebuah kerajaan. Kajian ini mendedahkan tentang nama-nama raja yang disebut dalam KTK, kedudukan dan peranan mereka dalam bidang pentadbiran dan perkembangan kesusasteraan, hubungan mereka dengan para penyair dan cara-cara mereka menghadapi peperangan bagi menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara. Kajian ini mendedahkan kehidupan sosial, adat istiadat dan majlis-majlis sambutan yang diraihkan oleh pemerintah yang menjadi ketua kepada MTA.

Seorang lagi sarjana yang mengkaji bidang politik MTA ialah L.Tamilvanan (1982) yang menghasilkan buku berjudul, *Caṅka Ilakkiyattil Vēntar*. Beliau dalam kajiannya menjelaskan peranan dan tanggungjawab pemerintah sebagai ketua negara, menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya. Kajian ini mendedahkan persiapan-persiapan yang dilakukan oleh seorang pemerintah menghadapi peperangan dan sekaligus mendedahkan sifat-sifat keperwiraan yang dimiliki oleh seorang raja MTA.

Peperangan merupakan salah satu unsur penting dalam menjaga kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara serta berkait rapat dengan nilai keperwiraan. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh proses peperangan yang berlaku zaman MTA.

Antaranya ialah kajian K.Pandurangan (1986) yang berjudul, *Paṇṭait Tamiḷar Pōriyal Vāḷkkaiyum Tarkālap Pōr Naṭavaṭikkaiyum (Martial Life of Ancient Tamils Compared with Modern Warfare)*. Kajian ini, menjelaskan tentang proses peperangan kewujudan alat-alat senjata dan alat pengangkutan yang digunakan di medan peperangan. Kajian ini membantu pengkaji dari segi pemahaman pemikiran kesaintifikan MTA dalam bidang pertahanan negara yang berkaitan dengan pemikiran kesaintifikan.

Sebuah lagi kajian yang membincangkan konsep peperangan MTA ialah kajian berjudul, *Pōriyal: Anrum Inrum*. oleh T.Kandaswamy (1987). Dalam kajiannya itu, beliau membicarakan tentang jenis-jenis senjata, cara-cara menjinakkan gajah untuk tujuan peperangan, kepelbagaian pasukan tentera dan pakaian para tentera. Beliau menjelaskan sebab-sebab berlaku peperangan, insiden-insiden yang berlaku semasa peperangan dan kesan peperangan ke atas kehidupan MTA. Kajian ini membantu pengkaji dari segi memahami sistem pertahanan yang berkaitan dengan pemikiran kesaintifikan.

Sebuah lagi buku yang membicarakan konsep peperangan MTA ialah kajian berjudul, *Purattiṇai Vāḷviyal* oleh S.N Kanthasamy (1994). Buku ini menjelaskan berapa konsep penting dalam proses peperangan seperti *Veṭci* (menandakan permulaan peperangan iaitu proses menangkap, merampas dan memenjarakan lembu pihak lawan), *Vaṅci* (merupakan persiapan untuk peperangan), *Uḷiṅai* (mengepung pihak lawan), *Tumpai* (keadaan peperangan yang hebat), dan *Vākai* (kemenangan di satu pihak). Pemahaman konsep-konsep yang tertera di atas dapat memudahkan pemahaman terhadap pemikiran MTA dalam bidang politik.

ii. Bidang Ekonomi

Kejayaan dan kegemilangan sesebuah kerajaan dapat diukur daripada keunggulan menguasai bidang ekonomi. Dalam hal ini, terdapat beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada bidang ekonomi yang dipraktikkan oleh MTA. Antaranya termasuklah kajian yang berjudul, *Paḷaṅkāla Tamiḷar Vāṇikam* oleh S.M.Venkataswami (1995). Kajian ini menjelaskan sistem perdagangan yang wujud dalam MTM yang merangkumi sistem barter, pusat-pusat pelabuhan, perdagangan antarabangsa dan bahan-bahan yang diperdagangkan diperjelaskan dalam kajian ini. Kajian ini relevan untuk memahami pemikiran MTA dalam bidang perdagangan.

Salah satu unsur penting dalam bidang perdagangan MTA ialah kehadiran matawang. Hal ini diteliti oleh R.Krishna Moorthy (1986), dalam bukunya yang berjudul, *Caṅkak Kāla Cōla Nāṇayaṅkaḷ*. Buku ini menjelaskan tentang sistem matawang yang diguna pakai oleh MTA, khasnya semasa pentadbiran kerajaan *Chola*. Kajian ini mendedahkan reka bentuk matawang, maksud simbol-simbol yang digunakan dalam matawang dan penggunaannya dalam bidang perdagangan. Kajian ini relevan dalam mengupas pemikiran kesaintifikan MTA dalam proses penghasilan matawang logam.

Kehidupan ekonomi MTA bukan hanya merangkumi bidang perdagangan semata-mata. MTA sememangnya terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi yang lain. Perkara ini menjadi persoalan utama dalam buku berjudul, *Paṅṭait Tamiḷar Toḷilkaḷ* oleh V.C Sasi Valli (1989). Buku ini mendedahkan kegiatan ekonomi MTA yang bersesuaian dengan tempat tinggal dan cara-cara mereka menjalankan kegiatan tersebut. Antara pekerjaan yang dilakukan oleh MTA ialah pertanian, penternakan, mengutip

hasil hutan, pembuatan kraf tangan, dan perkhidmatan. Buku ini relevan bagi kajian semasa untuk memahami pemikiran MTA dari segi ekonomi.

iii. Bidang Sosial

Kajian terhadap kehidupan sosial MTA didapati mendapat perhatian ramai pengkaji. Kehidupan sosial MTA merangkumi pegangan agama dan kepercayaan, sistem adat istiadat, kehidupan berkeluarga, struktur susun lapis masyarakat, pembahagian kerja, sistem tulisan dan bahasa. Kehidupan sosial MTA turut merangkumi amalan pemakanan, pakaian, perkembangan seni muzik, tarian, seni bina kraf tangan dan sebagainya.

A.Thacinamoorthy merupakan salah seorang sarjana yang banyak mengkaji tentang kehidupan sosial MTA. A.Thacinamoorthy (2001) menghasilkan sebuah buku berjudul, *Caṅka Ilakkiyaṅka! Uṇarttum Maṇita Uṛavuka!*. Buku ini mengkaji tentang nilai hubungan sesama manusia dan menumpukan perhatian terhadap struktur susun lapis MTA. Kajian beliau menjurus kepada hubungan di antara lelaki dan wanita, ibubapa dan anak, raja dan rakyat jelata, orang perseorangan, masyarakat dan sebagainya. Walaupun kajian ini tidak mengkaji pemikiran MTA secara menyeluruh, namun hasil kajiannya membantu pengkaji untuk meneliti dan menganalisis pemikiran hidup bersosial MTA yang membantu kajian semasa.

Kajian yang berjudul, *Caṅka Ilakkiyattil Camūka Āyvuka!* oleh K.V.Balasubramaniam (1994) merupakan sebuah lagi buku yang memperjelaskan sistem susun lapis MTA dan cara hidup mereka secara perseorangan, keluarga dan dalam satu kelompok masyarakat yang besar. Buku ini turut mendedahkan kehidupan

MTA di desa dan bandar, di kawasan pergunungan, di hutan belantara, di persisiran pantai dan sebagainya. Kajian ini mendedahkan jenis-jenis pakaian, makanan, pekerjaan dan pegangan hidup MTA yang hidup dalam lokasi tanah yang berbeza-beza yang membantu pengkaji memahami pemikiran MTA secara keseluruhan.

Salah satu cabang bidang sosial yang diberi perhatian oleh MTA ialah konsep kepercayaan yang berkait rapat dengan upacara keagamaan. Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan pemikiran MTA terhadap konsep ketuhanan. Antaranya ialah *Caṅka Ilakkiyattil Pakṭi* oleh N.Kanthasamy (1994), *Caṅkat Tamiḷum Camayaṅkaḷum* oleh S.Umarasan (1997) oleh dan *Caṅka Tamiḷariṅ Valipāṭum Caṭaṅkukaḷum* oleh M.Sanmuga Pillai (1996). Ketiga-tiga kajian ini membincangkan tentang sistem kepercayaan terhadap Tuhan, upacara keagamaan dan falsafah yang didukung oleh MTA. Kajian-kajian ini relevan dari segi mendedahkan Pemikiran kerohanian yang dipraktikkan oleh MTA.

Salah seorang sarjana tempatan yang memberi sumbangan besar bagi kajian terhadap KTK ialah S. Singaravelu. S.Singaravelu (2011), yang meneliti budaya sosial MTA dalam bukunya berjudul, *Social Life Of The Tamil: The Classical Period*. Beliau mengkaji aspek-aspek sosial MTA dari tiga perspektif iaitu habitat dan budaya material (*habitat and material culture*), kepercayaan agama (*religious belief*) serta struktur sosial dan institusi (*social structure and institutions*). Kajian ini membantu pengkaji dalam usaha mentafsir budaya MTA terutamanya dari segi agama dan kehidupan sosial.

Kajian berjudul, *Paḷantamiḷar Vāḷvum Vaḷarcciyum* oleh Sami Sithambaranar (2012) merupakan sebuah kajian lagi yang menyatakan ciri-ciri kehidupan MTA secara spesifik. Kajian ini mengkaji kehidupan MTA dari segi kerohanian, amalan pemakanan,

dan nilai-nilai kepercayaan yang diamalkan MTA. Selain daripada itu, kajian ini menyentuh peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh golongan wanita pada zaman tersebut. Penganalisisan kajian ini relevan dengan kajian semasa dari segi mendedahkan pemikiran kerohanian dan kebitataraan.

Seorang pengkaji yang menumpukan minat terhadap kajian terhadap wanita MTA ialah N. Devapoopathy (1968). Beliau mengkaji hubungan di antara wanita dan agama pada zaman *Sangam* dalam kajiannya yang berjudul, *Women And Religion In The Classical Period*. Pelbagai tokoh wanita zaman *Sangam* dijadikan sebagai contoh oleh beliau bagi memperkukuhkan kajiannya. Kajian ini berguna bagi mendapatkan pemahaman tentang tanggungjawab dan peranan wanita MTA dalam kehidupan seharian. Kajian-kajian dihuraikan dalam bahagian ini dapat mendedahkan kehidupan sosial MTA yang dapat membongkarkan pemikiran MTA khasnya dari segi kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan yang berguna kepada kajian semasa.

g. Kajian Terhadap Pemikiran Masyarakat Tamil Awal

Terdapat beberapa kajian-kajian yang memfokuskan kepada beberapa jenis pemikiran MTA yang dapat dikesan dalam KTK. Antaranya ialah, *Caṅka Ilakkiya Cintanaikal: Caṅka Ilakkiya Kaṭṭuraikal* . yang disunting oleh P. Thangrasu & A. Pari (2004). Dalam buku ini terdapat beberapa koleksi artikel seperti *Paṭṭinappālai- Ōr Ariviyal Pārvai* oleh N.Thanarasan, *Puṛanānūṛril Ariviyal* oleh V.Unnamalai dan *Puṛanānūṛril Vāṇaviyal* oleh A.Siva Peruman yang berkaitan dengan KTK. Artikel-artikel tersebut mendedahkan beberapa ciri tentang pemikiran kesaintifikan MTA yang berguna untuk kajian semasa.

Sebuah lagi kajian yang mendedahkan budaya MTA ialah kajian berjudul, *Tolkāppiyam Caṅkat Tamil: Ōr Putiya Pārvai 2006* yang disunting oleh S. Nadana Sabapathy dan T. Nedunchelivan. Dalam buku ini terdapat beberapa bab oleh penulis yang berbeza seperti *Caṅkakāla Paḷakka Vaḷakkāṅkal* oleh R.Sarangapani, *Caṅkala Ikkiyattil Kaṭavuṭ Koḷkai* oleh D. Paddapiran, dan *Caṅka Ilakkiyattil Virali* oleh P.Mathayan. Ketiga-tiga bab ini mendedahkan pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan yang didukung oleh MTA yang berkaitan dengan kajian semasa.

Tamil Ilakkiyattil Ariviyal Cintaṅaikaḷ (2003) yang disunting oleh Siraj Unnisa Nazar, L. Uma Maheswari dan Apitha Sabapathy merupakan sebuah lagi buku yang memuatkan artikel-artikel mengenai pemikiran kesaintifikan yang dapat dikesan dalam KTK. Antara artikel yang terdapat dalam kajian ini ialah, *Tamil ilakkiyattil ariviyal cintaṅaikaḷ*, *Tamil ilakkiyaṅkaḷil ariviyal*, *Tamiḷaṅ ariviyal munṅōṭi*, *Tamiḷar ariviyal cintaṅaikaḷ*, *Porunāṅārruppaṭai: Ōr ariviyal pārvai*, *Ciruppāṅārruppaṭaiyil ariviyal cintaṅaikaḷ*, *Tamiḷil ariviyal cintaṅaikaḷ*, *Caṅka ilakkiyattil ariviyal karuttukkaḷ* dan *Neṭunelvāṭai kāṭṭum ariviyal cintaṅai*. yang dihasilkan oleh penulis berbeza-beza. Artikel-artikel dalam buku ini mendedahkan pemikiran kesaintifikan MTA dalam pelbagai bidang yang membantu kajian semasa.

Selain itu, terdapat beberapa artikel dalam buku ini yang membicarakan bidang sains. Antaranya ialah *Tamiḷariṅ vāṅaṅularivu*, *Caṅka ilakkiyattil viṅveḷi ariviyal cintaṅai*, *Paṅṭait tamiḷar vāṅaviyal arivu*, *Paṅṭai tamiḷar tam vāṅiyal arivu*, dan *Tamil ilakkiyaṅkaḷil vāṅaviyal* yang membicarakan bidang astronomi manakala, *Caṅka ilakkiyaṅkaḷil maṅṅiyal kōṭpāṭukaḷ* pula membicarakan bidang geologi. Artikel-artikel seperti *Paṅṭai ilakkiyaṅkaḷil ariviyal cintaṅaikaḷ (maruttuvam)*, *Caṅka ilakkiyaṅkaḷil maruttuvam*, *Tamil ilakkiyattil maruttuvam* dan *Paḷantamiḷ ilaṅkiyaṅkaḷil maruttuvam*

pula membicarakan bidang perubatan. Selain itu, terdapat perbincangan mengenai bidang pengangkutan dan pertanian iaitu *Panṭait tamiḷarin kappṭkaḷai arivu*, *Tamiḷarin vēḷāṇmai ariviyal*, *Tamiḷarin vēḷāṇmai ariviyal*, *Caṅka ilakkiyaṅkaḷil curruccūḷal mēḷāṇmai*, *Tamiḷ ilakkiyaṅkaḷil kaṭṭitak kalai toḷil nuṭpa ariviyal cintaṅaikal* dan *Kāppiyaṅkaḷil vimāṇa toḷil nuṭpam*. Oleh yang demikian, buku ini membantu pengkaji dari segi pemahaman pemikiran kesaintifikan yang diaplikasikan oleh MTA dalam pelbagai bidang.

Buku berjudul, *Heritage of the Tamils: Education & Vocation* (1986) merupakan sebuah lagi kajian yang membicarakan kehidupan MTA. Buku ini disunting oleh S.V.Subramanian dan V.R.Madhavan. Buku ini menempatkan beberapa artikel yang berkaitan dengan sistem pendidikan dan amalan kerjaya yang dapat dikesan dalam kalangan MTA. *Education of the Sangam Tamils*, *Teachers and teaching- Learning process in ancient Tamil Educational system*, *The ancient Indian Education of North India and Tamil Nadu- A Comparative Study*, *Life Oriented Education of the Tamils*, *Vedic Education and Tamil Education- A comparative Study*, *Physical Education of the Tamils* dan *Curriculum of ancient Tamil's Educational system and its uses* merupakan artikel-artikel yang membicarakan tentang sistem pendidikan yang dapat mendedahkan pemikiran kebitaraan MTA.

Selain itu, terdapat beberapa artikel-artikel yang lain dalam buku ini yang membincangkan kerjaya-kerjaya yang diamalkan oleh MTA yang dapat membongkarkan pemikiran kesaintifikan dan kekreatifan MTA. Antaranya ialah *Vocation of the Tamils as revealed in Sangam Literature*, *Wood carving as an industrial art of Tamil Nadu*, *The growth and development of textile industry of the Tamils*, *Leather tanning techniques of the Tamils of Sangam period* dan *Folk-art as vocation*.

Artikel-artikel yang terdapat dalam kajian ini membantu pengkaji bagi membuat analisis pemikiran MTA khasnya yang berkaitan dengan pemikiran kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan.

Salah satu cabang bidang sosial ialah falsafah dan teori-teori psikologi. Perkara ini menjadi topik perbincangan oleh T.Siva Raj (1994) dalam kajiannya yang berjudul, *Caṅka Ilakkiyattil Uḷaviyal*. Buku ini menjelaskan hubungan KTK dengan bidang psikologi. Kajian ini menjelaskan apakah masalah-masalah seharian yang dilalui oleh MTA dan bagaimana mereka menghadapi kekecewaan, cabaran hidup dan tekanan tersebut. Buku ini mendedahkan aliran pemikiran MTA dari perspektif pemikiran psikologi.

Kajian berjudul, *Pengajian India: Bicara Pelbagai Perspektif* oleh S.Singaravelu (2006) mengandungi beberapa artikel yang berkaitan dengan kajian semasa. Antara artikel yang dimaksudkan ialah, *Ciri-ciri Umum Kesusasteraan Cankam* oleh N. Kanthasamy dan *Social Habits And Costoms In Ancient Tamil Literature* oleh S.Kumaran. Kedua-dua artikel ini menjelaskan konsep KTK yang membantu pengkaji membina bab dua dalam kajian semasa.

Journal Of Tamil Studies oleh *Ulaga Tamil Araichi Niruvanam*, merupakan sebuah jurnal yang mengumpulkan pelbagai artikel yang berkaitan dengan pengajian bahasa Tamil. Pengkaji mengumpulkan artikel-artikel yang berkaitan dengan KTK yang diterbitkan dalam jurnal tersebut daripada tahun 1972-2010 (<http://www.ulakaththamizh.org/JOTSissues.aspx>). Antara tajuk-tajuk artikel yang terdapat dalam *Jurnal Of Tamil Studies* (1972-2010) ialah *A Guide To Murukan*, *Contribution Of The Tamil To Culture*, *Tamil Literature Through The Ages*, *Education*

And Arts Of Early Tamils, Tamilar Valipātu, Tiṇaikkōṭpātu dan sebagainya yang membicarakan beberapa sub topik dalam KTK.

Walaupun terdapat beberapa kajian-kajian yang berkaitan dengan konsep pemikiran MTA, namun ianya bersifat umum dan tidak diperincikkan secara detail mengikut komponen-komponen yang terkandung dalam mana-mana jenis pemikiran. Penganalisaan terhadap kajian-kajian lepas juga mendedahkan KTK kebanyakan hasil kajian yang sedia ada tidak dikaji dengan menggunakan mana-mana teori seperti yang mana dikehendaki dalam dunia akademik hari ini.

h. Kajian Ilmiah Terhadap Kesusasteraan Tamil Klasik

Terdapat beberapa kajian-kajian ilmiah tempatan yang dihasilkan bagi ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran yang berkaitan dengan kajian semasa. Penelitian kajian-kajian ilmiah ini dapat mendedahkan kecenderungan para pengkaji terhadap unsur alam semulajadi yang terdiri daripada hutan, bendang, laut, sungai, haiwan, bunga, pokok dan sebagainya. Kajian-kajian tersebut diperjelaskan seperti berikut:-

S.Kumaran menghasilkan dua kajian ilmiah yang berjudul, *A Study Of The Flora In Narrinai* (1990) dan *A Treatment Of Nature In Kuruntokai* (1995) yang menghuraikan pemikiran MTA terhadap unsur flora dan fauna dalam teks *Narrinai* dan teks *Kuruntokai*. Kajian-kajian ini mambantu bagi kajian semasa bagi memahami kedua-dua teks klasik *Narrinai* dan *Kuruntokai* yang sebahagian daripada lapan belas teks klasik yang lain. Kajian ini membantu pengkaji dalam proses memahami pemikiran MTA terhadap eleman alam sekitar.

Selain itu, terdapat kajian oleh R. Arul Selvan (2010) yang berjudul, *The Study Of Flora And Fauna Metaphor In Akanānūru*. Kajian ini menjurus ke arah perbincangan konsep flora dan fauna yang menghuraikan jenis-jenis pokok, tumbuh-tumbuhan, serangga, burung dan hidupan liar yang disebut dalam teks *Akanānūru*. Kajian ini mendedahkan hubungan antara flora dan fauna dengan alam sekitar serta hubungan dengan kehidupan sosial MTA. yang sedikit sebanyak berkaitan dengan kajian semasa.

Kajian oleh G.Sivapalan (1994) yang berjudul, *Patirrupattu:A Study* pula mengkaji tentang teks *Patirrupattu*, dari aspek kehidupan sosial rakyat, pemerintah, nilai-nilai moral dan etika serta struktur fizikal dan geografi negara *Cērā*. Tabiat pemakanan dan kepelbagaian makanan dan minuman serta cara penyediannya, kepelbagaian peralatan dan sistem agama kepercayaan MTA berdasarkan teks *Patirrupattu* dikaji dalam kajian ini. Penganalisan kajian ini dapat memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang teks klasik *Patirrupattu*.

M.Sangar (2011), pula menghasilkan kajian berjudul, *Budaya Masyarakat Tamil Zaman Sangam Berdasarkan Teks Paripāṭal*. Kajian ini menjelaskan kehidupan MTA dari perspektif kepercayaan kepada Tuhan, alam sekitar dan cara hidup sosial masyarakat zaman *Sangam* berdasarkan teks *Paripāṭal*. Beberapa unsur-unsur kebudayaan seperti muzik, tarian, lukisan, seni ukir dan sebagainya yang terdapat teks *Paripāṭal* dijadikan skop kajian beliau. Kajian yang berjudul, *Penggambaran Masyarakat Tamil Dalam Teks Aṅkurunūru* oleh S.Arunasalam (2007) pula mendalami corak kehidupan MTA berdasarkan teks *Aṅkurunūru*. Topik-topik seperti nilai kasih sayang, kegiatan ekonomi, corak pemakanan dan amalan kepercayaan MTA yang terpapar dalam teks *Aṅkurunūru* menjadi perbincangan dalam kajian ini.

L.Aya Durai (2003) pula, menghasilkan sebuah kajian yang berjudul, *Pendidikan dalam Peradaban India Pada Zaman Klasik*. Kajian ini mengkaji sistem pendidikan masyarakat India iaitu dari zaman *Vedik*, zaman *Upanisad* dan zaman *Puranik* tetapi beberapa maklumat mengenai sistem pendidikan Tamil pada zaman klasik dapat diperolehi melalui kajian ini. R.S.Rajeswari (2011) pula, menghasikan sebuah kajian berjudul, *Keagungan Dewa Murukan Dalam Sajak Tirumurukārruppaṭai*. Kajian ini menganalisis salah satu teks dalam KTK iaitu teks *Tirumurukārruppaṭai* dari segi kerohanian. Sebuah lagi kajian ilmiah yang berkaitan dengan hasil kesusasteraan *Sangam* yang dihasilkan ialah kajian berjudul, *Ekspresi Rasa Dalam Antologi Kuruntokai* oleh M.Patmavathy (2014). Kajian ini mendedahkan maklumat mengenai antologi *Kuruntokai* dari segi ekspresi rasa.

Kajian-kajian ilmiah yang dihasilkan bagi ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran yang berkaitan dengan kajian semasa jelas menunjukkan terdapat kekosongan dalam penyelidikan KTK. Hal ini adalah kerana kajian-kajian ilmiah yang sedia ada tidak mengkaji keseluruhan teks KTK tetapi lebih memfokuskan salah satu teks dalam KTK yang membuka ruang kepada pengkaji bagi menjalankan kajian semasa. Namun demikian, kajian-kajian yang disebutkan di atas dapat memberikan satu gambaran menyeluruh mengenai KTK, yang membantu pengkaji dapat mendekati KTK secara analitik.

Secara konklusinya, kajian-kajian lepas terhadap KTK hanya merangkumi beberapa ciri-ciri kehidupan oleh MTA sahaja dan tidak ada usaha untuk meneliti pemikiran MTA secara keseluruhan. Maka, kajian semasa ini penting dijalankan oleh pengkaji supaya ia dapat mendedahkan keunggulan serta keunikan pemikiran MTA yang terpancar dari segi politik, ekonomi dan sosial. Pendedahan mengenai pemikiran

MTA melalui kajian ini akan membantu masyarakat lain memahami dan mengenali pemikiran MTA dengan lebih mendalam. Akhirnya, kajian ini diharap akan menjadi perintis ataupun panduan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam usaha mendedahkan pemikiran MTA melalui hasil kesusasteraan.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian penyelidikan ini menganalisis pemikiran MTA yang dapat dikesan melalui KTK. Zaman *Sangam* merangkumi jangka masa selama tahun 500 S.M hingga 200 T.M (M.Varatharasanar, 2007: 18). Penyelidikan ini berdasarkan KTK iaitu *Eṭṭuttokai* dan *Pattuppāṭṭu* yang terdiri daripada lapan belas teks sebagai sumber pertama. Selain itu, pengkaji turut menggunakan sumber-sumber sekunder KTK. Sumber kedua yang dimaksudkan ialah bahan kajian berbentuk buku, jurnal, tesis, kajian ilmiah dan sebagainya yang berkaitan dengan KTK.

Konsep pemikiran yang mengupas sebahagian daripada budaya merupakan suatu bidang yang luas. Oleh itu, pengkaji hanya memokuskan tumpuan kepada jenis-jenis pemikiran yang digariskan dalam Teori SPB4K. Teori SPB4K menyediakan kerangka dan memfokuskan empat jenis pemikiran iaitu pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan. Keempat-empat pemikiran yang disarankan dalam Teori SPB4K digunakan sebagai instrumen untuk mendedahkan pemikiran MTA berdasarkan hasil-KTK.

1.9 Kaedah Penyelidikan

Dalam dunia penyelidikan terdapat dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Frasa kualitatif dirujuk untuk penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif, perkataan yang dituturkan tingkah laku diperhatikan. Penelitian deskriptif adalah metod penelitian yang digunakan untuk menemukan pengetahuan yang seluas-luasnya terhadap objek penelitian pada suatu masa tertentu. Penelitian deskriptif bertujuan untuk menjelaskan atau mendeskripsikan suatu keadaan, peristiwa, objek, atau segala sesuatu yang berkaitan dengan bahan kajian. Secara amnya penelitian deskriptif merupakan metod satu usaha menggambarkan dan menginterpretasi objek sesuai dengan apa adanya (B.Johnson & L.Christensen, 2008: 366).

Menurut R. Rist (1977:42-50), kaedah kualitatif seperti kaedah kuantitatif, adalah lebih daripada satu set teknik pengumpulan data dan merupakan satu cara untuk mendekati dunia empirikal. Dalam hal ini, S.J.Taylor dan R.Bogdan (1997: 7-10) telah menyenaraikan beberapa ciri-ciri tentang kaedah penyelidikan kualitatif seperti berikut:-

1. Penyelidikan kualitatif adalah berkenaan dengan masyarakat manusia yang dan perkara-perkara dalam kehidupan mereka.
2. Ia bersifat induktif dan merupakan satu kemahiran yang mengkaji peraturan dan masyarakat manusia secara holistik. Mereka mengkaji manusia dalam konteks masa lampau berdasarkan situasi pada masa tersebut kerana berpendapat selalu terdapat sesuatu yang boleh dipelajari dalam semua penetapan peraturan dan kumpulan manusia
3. Penyelidikan kualitatif adalah berkenaan dengan bagaimana orang berfikir dan bertindak dalam kehidupan seharian mereka. Dan bagi penyelidik kualitatif, semua perspektif adalah layak untuk dikaji.
4. Para penyelidik kualitatif menekankan kepentingan penyelidikan. Mereka mendapat ilmu secara langsung daripada kehidupan sosial masyarakat yang tidak ditapis melalui definitions operasi pendefinisian atau skala kedudukan.

(S.J.Taylor dan R.Bogdan, 1997: 7-10)

Berdasarkan maklumat di atas, kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian semasa ialah penyelidikan berbentuk penyelidikan kualitatif kerana kajian semasa menganalisis pemikiran MTA. Penyelidikan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan sumber-sumber bertulis yang sedia diterbitkan yang menjurus kepada penyelidikan perpustakaan. Bagi tujuan pengumpulan bahan primer dan sekunder pengkaji juga telah melawat beberapa perpustakaan dan pusat koleksi buku dan manuskrip di Malaysia dan di India.

Bersama-sama dengan kaedah kualitatif, pendekatan Hermeneutik digunakan oleh pengkaji dalam kajian semasanya. Hal ini kerana, KTK yang dikategori sebagai sastera lama (M.Varatharasanar, 2007: 18) dijadikan sebagai bahan asas bagi kajian ini. Maka bagi mencapai suatu hasil kajian yang mantap, pengkaji harus meneliti serta berusaha sedaya upaya untuk mendedahkan maksud tersirat dan tersurat sebaik mungkin. Hermeneutics adalah suatu pendekatan yang disifatkan sebagai seni untuk menginterpretasikan sesuatu teks, terutamanya teks-teks lama. Ia sesuai untuk kajian selidik kandungan serta kajian perpustakaan bersifat interpretasi kesusasteraan (W.L.Neuman, 2006: 124). Pendekatan ini menekankan empat metod yang utama. Antara metod-metod yang terkandung dalam pendekatan Hermeneutics adalah:-

1. Indentifikasi dan dokumentasi (*Identification and documentation*).
2. Penyelidikan dan pembahagian data yang sudah dikumpulkan (*Investigation and compartmentalization*).
3. Proses menginterpretasi dan analisis (*Interpretation and analysis*).
4. Tahap penggabungan bahan dan pencapaian kesimpulan (*Integration and conclusion*).

Dalam metod pertama, indentifikasi dan dokumentasi digunakan untuk mendapatkan data daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah berdasarkan teks KTK, manakala sumber sekunder adalah berdasarkan bahan-bahan dari sumber-sumber lain yang relevan dan autoritatif yang dihasilkan oleh para sarjana yang mempunyai kepakaran dalam bidang KTK. Ini termasuklah bahan-bahan seperti tesis, kertas kerja seminar, buku-buku rujukan, jurnal, majalah dan bahan-bahan lain. Pada tahap pertama pengkaji akan mengumpulkan data daripada sumber primer dan sekunder kajian melalui pembacaan berstruktur

Dalam tahap kedua iaitu penyelidikan dan pembahagian pula, data-data yang dikumpul dikaji dan diklasifikasikan mengikut keperluan bab dan Teori SPB4K. Tahap ini penting bagi memastikan data yang releven dapat diklasifikasikan mengikut bidang-bidang yang betul supaya objek kajian dapat dicapai. Dalam pendekatan ketiga pula, kaedah menginterpretasi dan analisis pula digunakan bagi menganalisis teks dan kandungan bahan bacaan yang berkaitan dengan KTK. Dalam tahap ini kaedah interprestasi data dan analisis dilakukan secara serentak supaya maksud tersurat dan tersurat yang berkaitan pemikiran MTA dapat dibongkar. Akhirnya, sebagai metod terakhir, tahap penggabungan bahan dilakukan supaya pencapaian kesimpulan dapat diadakan. Bagi tujuan tersebut teori dimanfaatkan bagi tujuan pengukuhan dapatan.

1.10 Pendekatan Teori

Kajian yang bertajuk, ‘Pemikiran Masyarakat Tamil Awal Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik’ ini dijalankan berdasarkan Teori SPB4K yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hasan. Teori SPB4K sering digunakan dalam dunia kesusasteraan Melayu sebagai bahan teori bagi pengajian ijazah sarjana dan doktor falsafah. Pengkaji


menggunakan Teori SPB4K sebagai bahan teori, kerana teori ini memberi tumpuan kepada empat jenis pemikiran iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan yang dapat menyediakan satu kerangka bagi mendedahkan pemikiran MTA. Selain itu, Teori SPB4K memudahkan pengkaji bagi menyempitkan skop kajian terhadap bidang pemikiran yang yang terbentang luas.

Teori SPB4K telah dipilih sebagai teori bagi kajian semasa kerana ianya telah diperakui sebagai Teori. Menurut Mana Sikana, sarjana Melayu (2012: 120), Teori SPB4K merupakan salah satu antara dua buah teori yang sedang mencari dirinya dalam dunia penteorian Malaysia. Sarjana-sarjana Melayu yang lain juga telah memperakukan Teori SPB4K sebagai sebuah teori sastera dan merupakan salah satu antara dua buah teori yang sedang mencari dirinya dalam dunia sastera (Mohammad Mokhtar Hassan, 2005:vii). Selain itu, Teori SPB4K ini juga digunakan sebagai model pemikiran pendidikan di Universiti Perguruan Sultan Idris (Mohd Yusof Hasan, 2007).

Teori SPB4K digunakan oleh para penganalisis sastera khususnya sasterawan Melayu dan para penyelidik di peringkat sarjana dan kedoktoran di universiti tempatan. Terdapat lebih daripada sepuluh kajian yang telah mengguna pakai Teori SPB4K sebagai bahan kajian (sila lihat m.s. 28-31) yang telah dijalankan di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Perguruan Sultan Idris. Memandangkan Teori ini pernah diuji dan diterima di menara gading, maka pengkaji telah menggunakan Teori SPB4K sebagai bahan teori selepas berbincang dengan penyelia. Selain itu, penggunaan teori ini sebagai bahan teori bagi kajian semasa telah diterima dalam pembentangan awal proposol dan semasa pembentangan candidature defence oleh pengkaji.

1.11 Kerangka Kajian

Kerangka kajian berdasarkan KTK adalah berdasarkan empat jenis pemikiran yang dibawa oleh Teori SPB4K yang dapat diwakilkan dalam rajah berikut.



Rajah 1.1: Kerangka Kajian dan Aplikasi Teori

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat Teori SPB4K dan KTK

Kerangka kajian yang dibina di bahagian atas adalah hasil daripada penelitian dan penganalisaan Teori SPB4K yang dihuraikan dalam kajian –kajian berjudul *Pemikiran Saintifik: SPB4L* (2002), *Pembinaan Teori Pendidikan: Pemikiran UPSI* (2007) dan *Teori pendidikan: Pemikiran global* (2007). Hasil pembacaan yang teliti, penkaji dapat menghubungkan bidang-bidang yang dapat diterokai dalam KTK mengikut empat jenis pemikiran yang digariskan dalam Teori SPB4K.

1.12 Pembahagian Bab

Kajian penyelidikan ini terbahagi kepada tujuh bab secara keseluruhan. Bab satu merupakan bab pengenalan yang merangkumi pengenalan, objektif kajian, kajian-kajian lepas, pernyataan masalah, kepentingan kajian, metodologi kajian, skop dan batasan kajian dan penutup. Bab kedua ialah bab pendefinisian konsep. Antara konsep-konsep yang diperjelaskan dalam bab ini ialah konsep budaya dan pemikiran, konsep Teori SPB4K dan konsep KTK. Teori pemikiran SPB4K yang terdiri daripada Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikian dan Pemikiran Kekreatifan diperjelaskan dalam bab ini.

Bab ketiga memaparkan Pemikiran Kerohanian MTA berdasarkan KTK. Dalam bab ini sistem kepercayaan dan agama yang dipraktikkan oleh MTA menjadi skop kajian. Konsep ketuhanan, kewujudan kepelbagaian Tuhan, cara-cara sembahyang, matlamat sembahyang serta beberapa amalan adat istiadat yang berkaitan dengan konsep kerohanian berdasarkan KTK dikaji bagi melihat pemikiran MTA dalam bidang kerohanian.

Pemikiran Kebitaraan atau pemikiran lahir MTA dikaji dalam bab keempat. Pemikiran Kebitaraan khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim sehingga kepada umur enam kanak-kanak. Dalam bab ini asas kekeluargaan yang bermula daripada proses mengandung anak, penjagaan dan pemeliharaan anak, proses pendidikan dan sebagainya dikaji bagi mendedahkan Pemikiran Kebitaraan MTA.

Dalam bab kelima pula Pemikiran Kesaintifik atau pemikiran logik MTA yang dipaparkan dalam puisi-puisi KTK dikaji. Pemikiran Kesaintifik merangkumi bidang-bidang seperti astronomi, perubatan, sistem pertahanan negara, pertahanan dan keselamatan, pertanian, perhubungan, perdagangan yang mengguna pakai kepakaran sains dan teknologi. Pemikiran Kekreatifan atau pemikiran lateral menjadi skop kajian dalam bab keenam. Pemikiran Kekreatifan MTA yang berdasarkan KTK yang dapat dikesan dalam bidang seni musik, kraftangan, lukisan, seni arca, seni perhiasan diri yang dapat mendedahkan Pemikiran Kekreatifan MTA menjadi bahan kajian dalam bab ini.

Bab terakhir iaitu bab ketujuh ialah bab kesimpulan yang merumuskan dapatan kajian. Dalam bab ini, satu perbandingan dan penganalisan tentang keempat-empat pemikiran yang dapat dilihat dalam MTA berdasarkan KTK dibuat. Selain mengangkat keutuhan dan keunikan pemikiran MTA berdasarkan KTK, kerelevanan pemikiran MTA sebagai panduan hidup masa depan dikaji dalam bab ini. Sebagai kesimpulan pengkaji mencadangkan kajian-kajian yang boleh dijalankan ke atas MTA dan KTK pada masa hadapan supaya dapat memenuhi sebarang kekosongan ataupun kekurangan dalam bidang kajian berkenaan. Pembahagian dalam setiap bab adalah berdasarkan

kepada objektif-objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dapat diwakilkan seperti berikut:-

Jadual 1.1: Perkaitan Antara Objektif dan Pembahagian Bab

| Objektif Kajian | Perbincangan Kajian | Bab | |
|---|---|--|---------------------|
| Mengkaji latar belakang KTK dan Teori SPB4K. | Perbincangan mengenai kandungan teks KTK | 2.2 | |
| | Perbincangan mengenai Teori SPB4K | 2.3 | |
| | Perbincangan mengenai Pemikiran Kerohanian | 3.1& 3.2 | |
| | Perbincangan mengenai Pemikiran Kebitaraan | 4.1 & 4.2 | |
| | Perbincangan mengenai Pemikiran Kesaintifikan | 5.1 & 5.2 | |
| | Perbincangan mengenai Pemikiran Kekreatifan | 6.1 & 6.2 | |
| Mengenalpasti dan menganalisis pemikiran masyarakat Tamil awal, berdasarkan bidang-bidang berkaitan dengan empat jenis pemikiran SPB4K yang dapat dikesan dalam kesusasteraan Tamil Klasik. | Pemaparan maklumat Pemikiran Kerohanian yang terdapat dalam KTK | 3.3 | |
| | Perbincangan dan penganalisaan terhadap Pemikiran Kerohanian MTA berdasarkan Teori SPB4K | 3.4 | |
| | Pemaparan maklumat Pemikiran Kebitaraan yang terdapat dalam KTK | 4.3 | |
| | Perbincangan dan penganalisaan terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA berdasarkan Teori SPB4K | 4.4 | |
| | Pemaparan maklumat Pemikiran Kesaintifikan yang terdapat dalam KTK | 5.3 | |
| | Perbincangan dan penganalisaan terhadap Pemikiran Kesaintifikan MTA berdasarkan Teori SPB4K | 5.4 | |
| | Pemaparan maklumat Pemikiran Kekreatifan yang terdapat dalam KTK | 6.3 | |
| | Perbincangan dan penganalisaan terhadap Pemikiran Kekreatifan MTA berdasarkan Teori SPB4K | 6.4 | |
| | Menganalisis keserasian dan keunikan ciri-ciri tersendiri pemikiran masyarakat Tamil awal berdasarkan kesusasteraan Tamil klasik menerusi konsep pemikiran yang dibawa oleh Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K | Perbincangan mengenai pemikiran MTA yang dipaparkan dalam KTK dan keserasian dengan Teori SPB4K bagi mendedahkan keunikan pemikiran MTA. | 4.4, 5.4, 6.4 dan 7 |

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat kajian semasa

1.13 Penutup

Kajian ini merupakan suatu usaha bagi menganalisis pemikiran MTA menerusi KTK. Justeru itu, kajian ini dapat mentafsirkan corak pemikiran MTA yang mengkonsepsikan kehidupan mereka terhadap alam dan kehidupan secara keseluruhan berasaskan KTK. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi suatu input yang dapat berkongsi bersama serta menjadi perintis kepada para pengkaji lain yang ingin melakukan kajian terhadap pemikiran sesuatu masyarakat khususnya berdasarkan mana-mana hasil kesusasteraan Tamil pada masa akan datang.